



PARLIMEN MALAYSIA

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA PARLIMEN KEDUABELAS 2008

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN
JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK
DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN
RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

RABU: 7 MEI 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10 HINGGA 69)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

NO: 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
(TELUK INTAN)**

TARIKH : 7 MEI 2008 (RABU)

SOALAN : 10

Tuan Manogaran a/l Marimuthu (Teluk Intan) minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pada suatu ketika, terdapat perkhidmatan keretapi ke Teluk Intan, mengapa perkhidmatan tersebut tergendala dan bila perkhidmatan itu akan dimulakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Perkhidmatan keretapi dari Tapah Road ke Teluk Intan bermula pada 12 Mei 1947 dan ditamatkan perkhidmatan pada 11 Oktober 1994 atas sebab kutipan hasil yang sangat rendah dan merugikan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' WAN ABD. RAHIM BIN WAN ABDULLAH
(KOTA BHARU)**

TARIKH : 7.5.2008

SOALAN:

Y.B. DATO' WAN ABD. RAHIM BIN WAN ABDULLAH (KOTA BHARU) minta Menteri Pelajaran menyatakan kos purata buku latihan yang terpaksa ditanggung oleh ibu bapa untuk para pelajar mengikut tingkatan persekolahan selepas Kerajaan memberikan buku teks percuma.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Adalah terlalu subjektif bagi menentukan kos pembelian buku latihan bagi setiap murid kerana ianya bergantung kepada keperluan yang berbeza di setiap sekolah di seluruh negara. Hal ini demikian kerana setiap mata pelajaran akan memerlukan beberapa buah buku latihan untuk digunakan di sepanjang tahun. Kebiasaannya mata pelajaran utama akan memerlukan buku latihan melebihi dua buah bagi setiap mata pelajaran.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menganggarkan kos purata minimum pembelian buku latihan, iaitu buku tulis bagi sekolah menengah adalah sebanyak RM24.00 untuk dua belas mata pelajaran dan bagi sekolah rendah adalah sebanyak RM12.00 bagi tujuh mata pelajaran.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN CHE UDA BIN CHE NIK
[SIK]**

TARIKH JAWAPAN : 7 MEI 2008 (RABU)

DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Tuan Che Uda Bin Che Nik minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah dan tindakan konkrit yang akan di ambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan masalah kehilangan (kecurian) kabel telefon yang berlaku secara berleluasa sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian ini sentiasa berusaha, untuk menangani masalah kecurian kabel dan perkakasan logam, milik penyedia utiliti di negara ini. Syarikat-syarikat yang membekalkan kemudahan tenaga, air dan telekomunikasi telah menanggung kerugian yang tinggi akibat

kehilangan peralatan, kos pemulihan dan kos pencegahan. Sehingga kini, kos kerugian yang ditanggung oleh syarikat-syarikat tersebut dianggarkan melebihi RM231.5 juta.

Berdasarkan maklumat daripada pihak PDRM, sepanjang tahun 2007 (Januari-Disember) sebanyak 3002 kes kecurian kabel telah dilaporkan di seluruh negara. Seramai 712 orang suspek telah ditangkap dan didakwa di mahkamah. Pihak polis telah berjaya menyelesaikan sebanyak 186 kes pada tahun 2007, manakala 76 kes masih dalam proses perbicaraan dan 1439 kes masih lagi dalam siasatan polis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian ini telah mengambil inisiatif dengan melibatkan agensi-agensi kerajaan dan semua pembekal utiliti, bagi mengatur strategi yang bersepadu dan lebih berkesan. Antara strategi yang telah dipersetujui bersama adalah :

- i. Melancarkan operasi bersepadu yang diketuai oleh PDRM yang dikenali sebagai Ops Lusuah. Usaha bersepadu ini dianggotai oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Imigresen, Jabatan Bomba, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan

Kesihatan dan RELA mengikut kawasan masing-masing. Operasi dijalankan mengikut zon iaitu Zon Utara, Zon Tengah dan Zon Timur;

- ii. Pihak Kementerian dan Keselamatan Dalam Negeri (KKDN) meminda perundangan di bawah Akta Peniaga Sekendhend 1946. Hukuman penjara dan denda terhadap pesalah yang terlibat dengan menjual dan membeli barang lusuh yang dicuri daripada pembekal utiliti negara ditambah. Senarai barang-barang lusuh yang **tidak boleh** diniagakan di premis-premis sekendhend diperincikan lagi. Manakala waktu perniagaan dihadkan pada siang hari sahaja; dan
- iii. Pada 6 Disember 2006, Ketua Polis Negara telah mengeluarkan arahan supaya membekukan pengeluaran Lesen Peniaga Sekendhend. Manakala syarat-syarat lesen berkenaan diperketatkan lagi bagi membendung kegiatan urus niaga barang-barang yang dicuri daripada penyedia utiliti negara.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. MARCUS
MOJIGOH [PUTATAN]**

TARIKH : 7 MEI 2008

**SOALAN : Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN] minta MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:**

- (a) Langkah yang diambil oleh pihak Kementerian dalam menggalakkan masyarakat Bumiputera bukan Melayu untuk menceburkan diri dalam perniagaan berasaskan industri hiliran pertanian; dan
- (b) Usaha yang diambil bagi menggalakkan kaum nelayan untuk menceburkan diri dalam industri berasaskan hasil laut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Selaras dengan teras dasar pembangunan sektor pertanian di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian ini memberi penekanan kepada aktiviti pemprosesan dan nilai tambah kepada produk berasaskan pertanian.

Dengan ini, pembangunan industri hiliran berasaskan pertanian termasuk industri berasaskan hasil laut adalah menekankan pembangunan aktiviti pemprosesan, pengukuhan kualiti produk dan peningkatan pendapatan mesyarakat tani.

Dua program utama yang dilaksanakan adalah:

- Program Mempelbagai dan Menambahkan Pendapatan Petani, Penternak dan Nelayan
- Program-program pembangunan industri asas tani yang dijalankan oleh Jabatan/Agensi

Pelaksanaan program tersebut adalah terbuka kepada semua warganegara

Malaysia termasuk Bumiputera bukan Melayu.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ini bagi menggalakkan pembangunan industri hiliran berasaskan pertanian termasuk industri berasaskan hasil laut adalah seperti berikut:

1. Kempen kesedaran melalui media massa.
2. Kursus/ latihan/ bengkel dan program inkubator.
3. Pinjaman mesin pemrosesan.
4. Penggunaan teknologi dan peralatan terkini melalui pemindahan teknologi.
5. Program bantuan dan perkhidmatan meliputi kontrak pengeluaran, khidmat sokongan pemasaran, skim pembiayaan dan bimbingan teknikal.

Pendekatan seperti yang dinyatakan adalah juga digunakan bagi menggalakkan kaum nelayan untuk menceburkan diri dalam industri berasaskan hasil laut.

Sejak tahun 2006, seramai 7,860 orang usahawan di telah dibangunkan dimana 866 orang dari mereka telah memperolehi pendapatan melebihi

RM2,000 sebulan. Jumlah usahawan Bumiputera bukan Melayu yang terlibat adalah kecil dan lebih tertumpu di negeri Sabah dan Sarawak.

NO: 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Tuan Salleh bin Kalbi [Silam]

TARIKH : 7 Mei 2008 (Rabu)

SOALAN : 14

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI
PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status kelulusan
pembinaan Lapangan Terbang Lahad Datu.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian telah pun membuat permohonan projek pembinaan lapangan terbang baru Lahad Datu di bawah Kajian Separuh Penggal (KSP) RMKe-9 kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE).

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN JAWAB LISAN

TARIKH: 07.05.2008

SOALAN : DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING

@ WILFRED (Tuaran) minta PERDANA MENTERI

menyatakan:-

- a) Berapa jumlah peneroka yang telah ditempatkan di Rancangan Penempatan FELDA di Dent Peninsula, Lahad Datu dan Umas-umas, Tawau, Sabah; dan
- b) Sama ada semua lot-lot sudah dipenuhi oleh peneroka dan adakah geran-geran tanah sudah diberikan kepada peneroka seperti yang termaktub dalam perjanjian antara FELDA dan Kerajaan Negeri Sabah

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini seramai 1,648 peneroka ditempatkan di Negeri Sabah, terdiri daripada 872 di Gugusan Sahabat, Lahad Datu dan 776 di Gugusan Umas, Tawau. Setiap peneroka diperuntukkan kawasan pertanian seluas 14 ekar, manakala seluas 0.25 ekar adalah kawasan penempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 21 lot kosong di rancangan FELDA Negeri Sabah. Lot kosong ini untuk mengisi kekosongan peneroka yang meninggalkan tanah rancangan. Pihak FELDA telahpun memaklumkan kepada Kerajaan Negeri untuk mendapatkan kelulusan mengisi lot kosong berkenaan.

Mengikut kelaziman, FELDA akan menyesyorkan kepada Kerajaan Negeri supaya peneroka dikurniakan hak milik setelah mereka menyelesaikan Bayaran Kembali (BK) iaitu kos pembangunan yang didahulukan oleh FELDA. Kos pembangunan ini adalah terdiri daripada kos penyediaan tapak rumah, pembinaan rumah, kos

pembangunan tanah, pinjaman persendirian dan lain-lain. Pada masa ini, peneroka di Sabah membayar di antara RM70,000.00 hingga RM80,000.00 untuk menjelaskan BK. Sebelum bayaran BK ini dijelaskan, FELDA membuat persiapan menyiapkan kerja mengukur lot individu bagi setiap peneroka bagi kedua-dua kawasan kediaman dan pertanian.

Sebelum kerja ukur dijalankan, FELDA akan mendapatkan kebenaran mengukur atau *Requisition For Survey Permit* (RSP) daripada Jabatan Ukur Negeri untuk mengukur lot peneroka. Pada masa ini kerja mengukur lot individu bagi semua lot-lot peneroka di Gugusan Sahabat dan Gugusan Umas sedang dijalankan. Kerja mengukur lot ini dijalankan oleh juruukur tempatan dan dijangka siap pada tahun ini. Lot peneroka yang diukur ini juga akan dikemukakan kepada peneroka untuk persetujuan. Apabila kerja mengukur ini selesai, FELDA akan mendapatkan kelulusan Pelan Akui daripada Jabatan Ukur Negeri. Selanjutnya permohonan hak milik akan dikemukakan beserta borang permohonan tanah kepada Pejabat Tanah dan Ukur yang berkenaan.

SOALAN NO: 16

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL HALIM BIN ABDUL
RAHMAN (PENGKALAN CHEPA)**

TARIKH : 7 MEI 2008 (RABU)

**SOALAN : Oleh DATO' Y.B. DATO' HAJI ABDUL HALIM
BIN ABDUL RAHMAN minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan bilakah Kerajaan akan
mengisytiharkan Tok Bali sebagai pelabuhan
perikanan laut dalam dan apakah langkah-
langkah positif ke arah menjadikan Tok Bali
sebagai pelabuhan tersebut.**

**JAWAPAN : Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri
Asas Tani**

Tuan Yang Dipertua,

Kompleks Pendaratan Ikan Tok Bali akan diisytiharkan sebagai pelabuhan perikanan laut dalam pada tahun 2010 kerana ianya masih dalam pembinaan. Sehingga kini kerja-kerja pembinaan Fasa I dan Fasa II telah disiapkan. Manakala pembinaan bagi Fasa III yang melibatkan kerja-kerja awam seperti jalan masuk, pagar kawasan, slipway, kuarters kakitangan, pusat pemprosesan dan bengkel akan dimulakan pada tahun 2008 dan dijangka siap pada tahun 2010.

Projek yang menelan belanja sebanyak RM67.0 juta ini dijangka siap sepenuhnya dan boleh digunakan pada awal tahun 2010. Kompleks pendaratan ikan Tok Bali dijangka akan dapat menyediakan kemudahan infrastruktur pendaratan ikan yang lengkap dan moden untuk bot-bot penangkapan ikan laut dalam di Kelantan khususnya di kawasan Tok Bali sendiri.

Dengan adanya pelabuhan ini, Kementerian menjangkakan perkembangan industri hiliran dan huluan berasaskan perikanan di Tok Bali dan kawasan persekitarannya akan turut berkembang seterusnya dapat menjana pembangunan industri perikanan negara.

Beberapa langkah juga sedang diambil oleh Kerajaan untuk menjadikan Tok Bali sebagai pelabuhan perikanan laut dalam seperti berikut:

- i) melengkapi kemudahan-kemudahan yang berkaitan dengan pembangunan sektor perikanan seperti penyediaan kemudahan untuk memproses, industri kecil dan sederhana (IKS), penyediaan kemudahan input seperti kilang air batu, depot penjualan diesel, penyediaan ruang-ruang untuk nelayan berniaga di pasar nelayan, pengujudan medan ikan bakar serta restoran makanan laut;
- ii) menjadikannya sebagai satu pusat pertumbuhan ekonomi nelayan yang lebih merangsang pembangunan Tok Bali;
- iii) membangunkan sebuah kawasan penempatan nelayan dikawasan berkenaan yang melibatkan sebanyak 300 orang nelayan yang akan dapat memberi peluang pekerjaan kepada nelayan yang tinggal di penempatan berkenaan;
- iv) menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Tok Bali yang turut melibatkan Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan serta pelbagai agensi yang berkaitan; dan
- v) menubuhkan Pusat Pengembangan Perikanan dan pusat Inkubator Pemprosesan Hasil Ikan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE
(GOPENG)
TARIKH : 7 MEI 2008
SOALAN :**

Dr. Lee Boon Chye (Gopeng) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan rasional peruntukan RM 2 juta setahun untuk menghantar pesakit pediatrik ke Narayana Hrudalaya Hospital, Bangalore, India untuk menjalani pembedahan jantung.

Tuan Yang di-Pertua,

Pembedahan jantung yang akan dijalankan ke atas pesakit pediatrik menggunakan peruntukan sebanyak RM 2 juta setahun adalah untuk pesakit daripada golongan miskin yang mengalami masalah jantung *congenital* yang stabil tetapi kronik dan telah menunggu lama untuk pembedahan jantung mereka. Kes-kes ini akan dilihat oleh pakar kardiologi dan pakar bedah jantung Kementerian Kesihatan terlebih dahulu dan sekiranya pembedahan tidak dapat dijalankan di dalam negara, pesakit akan dihantar ke Hospital Narayana Hrudayala,

Bangalore untuk dibedah. Pesakit terlebih dahulu dipastikan perlu cukup stabil untuk perjalanan ke luar negara.

Hospital Narayana Hrudalayala, Bangalore ini mempunyai tenaga kepakaran bedah jantung pediatrik yang berkemahiran tinggi serta dilengkapi dengan kemudahan yang mencukupi untuk tujuan rawatan setelah pembedahan. Kos pembedahan dan rawatan setelah pembedahan sehingga pesakit sembuh tanpa mengira jangkamasa penyembuhan telah diambil kira dalam kos untuk rawatan bagi setiap pesakit yang dihantar daripada Malaysia sebagaimana yang telah ditawarkan oleh hospital tersebut dan kos siling adalah berjumlah RM10,000. Hospital ini juga merawat pesakit-pesakit daripada negara lain selain daripada Malaysia iaitu dari Mauritius dan negara timur tengah yang terdiri daripada Arab Saudi, Kuwait, Pakistan, Bangladesh, Afrika, Sri Lanka dan Nepal.

Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan merasakan adalah rasional untuk menghantar pesakit ke Hospital Narayana Hrudalayala, Bangalore setelah mengambil kira semua faktor di atas. Langkah untuk menghantar pesakit ini adalah tindakan jangka pendek sehingga Kementerian Kesihatan dapat meningkatkan keupayaan. Di samping itu juga, tindakan ini dapat mengurangkan waktu menunggu yang panjang yang boleh memudaratkan pesakit.

SOALAN NO: 18

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN MOHSIN FADZIL BIN HAJI
SAMSURI (BAGAN SERAI)
TARIKH : 7 MEI, 2008 (RABU)
SOALAN : TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI
SAMSURI minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan :-

Mengapa harga padi tidak dinaikkan dari RM65.00 yang telah lama tidak dikaji sedangkan kos-kos pengeluaran lain-lain telah meningkat seperti buruh, benih, membajak, baja dan racun meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Harga Minima Terjamin (GMP) padi telah dinaikkan dari RM 550 / MT kepada RM 650 / MT pada 1 November, 2006.

Walaupun, harga GMP ini ditetapkan sebanyak RM 650 / MT tetapi petani-petani pada masa ini memperoleh harga yang lebih tinggi daripada harga minima yang ditetapkan.

Sebagai contoh, petani di Selangor telah memperoleh harga yang tinggi iaitu RM750 / MT hingga RM800 / MT, di Johor RM650 /MT hingga RM680 / MT, Terengganu RM650 / MT hingga RM680 / MT, bagi Perlis dan Kedah pula mereka telah memperolehi harga di antara RM670 / MT serta Pulau Pinang RM690/ MT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN RAIME BIN UNGGI [TENOM]
TARIKH : 7 MEI 2008
RUJUKAN : 847

SOALAN :

Tuan Raime bin Unggi [Tenom] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) jumlah kes kanak-kanak yang hilang pada tahun 2005, 2006, 2007 dan empat bulan pertama 2008; dan
- (b) jumlah kes kanak-kanak yang berjaya diselesaikan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada tahun 2005, 2006, 2007 dan empat bulan pertama 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat Batu Pahat bertarikh 27 Mei 2008 kerana ia mengenai perkara yang sama. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Tenom dan Batu Pahat yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, jumlah kes kanak-kanak hilang pada tahun 2005 adalah seramai 1,528 orang; tahun 2006, seramai 1,247 orang; tahun 2007 seramai 1,029 orang dan bagi empat bulan pertama tahun 2008, seramai 456 orang.

Tuan Yang Dipertua,

Daripada jumlah kes kanak-kanak yang hilang tersebut, PDRM berjaya menyelesaikan sebanyak 1,102 kes atau 72.1% bagi tahun 2005; sebanyak 830 kes atau 66.6% bagi tahun 2006; sebanyak 580 kes atau 56.4% bagi tahun 2007 dan sebanyak 230 kes atau 50.4% bagi empat bulan pertama tahun 2008.

LAMPIRAN C

SOALAN

20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN

[PETALING JAYA SELATAN]

TARIKH : 7 MEI 2008

SOALAN : Meminta MENTERI

PELANCONGAN menyatakan:-

apakah rasional bagi Kementerian
untuk membatalkan MoU dengan
negeri-negeri yang ditadbir oleh
Pakatan Rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penamatan MoU ini bertujuan untuk memudahkan urusan-urusan pentadbiran dan operasi MTPN. MTPN akan ditadbir secara terus dan dipantau oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan Malaysia.

Kaedah ini telah dilaksanakan dengan jayanya di Kelantan sejak 2004.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Y.B. yang bertanya, Kementerian Pelancongan tidak membatalkan apa-apa acara pelancongan yang telah dirancang diadakan di negeri-negeri berkenaan.

Acara-acara berkenaan akan terus di laksanakan mengikut kesesuaian. Segala aktiviti promosi acara berkenaan juga berjalan sepertimana dirancang.

Contohnya Pesta Air Langkawi Peringkat Nasional telah berjalan seperti biasa dan telah diadakan dengan jayanya pada 4 hingga 6 April 2008 di Pantai Chenang, Langkawi, Kedah.

SOALAN NO: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK RICHARD RIOT AK.
JAEM (SERIAN)

TARIKH : 7 MEI 2008

SOALAN :

DATUK RICHARD RIOT AK. JAEM (SERIAN) MINTA
MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN ADAKAH
KEMENTERIAN MEMPUNYAI RANCANGAN UNTUK
MENAIKTARAF DAN MEMBESARKAN JALAN
SERIAN-TEBEDU.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, JALAN SERIAN KE TEBEDU DAN SETERUSNYA KE SEMPADAN INDONESIA MERUPAKAN JALAN PERSEKUTUAN DENGAN PERMUKAAN BERTURAP SEPANJANG 41.9 KM. SATU CADANGAN UNTUK NAIKTARAF JALAN SERIAN / TEBEDU / SEMPADAN INDONESIA TELAH DIKEMUKAKAN DI BAWAH RMK-9 DENGAN ANGGARAN KOS PROJEK SEBANYAK RM97 JUTA TETAPI PROJEK INI TIDAK DILULUSKAN. NAMUN BEGITU, CADANGAN UNTUK MENAIKTARAF JALAN INI AKAN DIPOHON-SEMULA DI DALAM RMK-10 KELAK.

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TIONG THAI KING
[LANANG]
TARIKH : 7 MEI 2008
SOALAN :

Minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan negara kita telah mencapai perpaduan nasional dan rakyat negara bebas menganuti agama dan kepercayaan masing-masing, adakah ini peruntukan diberi kepada tabung aktiviti dan pembinaan gereja.

JAWAPAN :

Kerajaan amat prihatin dengan keperluan ibadat penganut bukan Islam dan telah menyediakan peruntukan setiap tahun melalui Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri, berjumlah RM1.0 juta bagi pembinaan tokong dan gereja. Y.A.B. Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri turut meluluskan permohonan yang diterima dari semasa ke semasa pembangunan fizikal rumah ibadat penganut bukan Islam selain permohonan yang diluluskan di bawah peruntukan Y.B. Menteri, Senator serta Ahli Parlimen. Peruntukan ini disalurkan terus kepada pihak pengurusan rumah ibadat yang berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH: 7 MEI 2008

SOALAN:

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kerajaan akan membawa reformasi ke atas politik, pentadbiran dan dasar bagi memulihara kepercayaan rakyat jelata. Adakah reformasi ini secocok dengan Demokrasi Berparlimen dan akan menghapuskan segala bentuk penyelewengan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Seperti yang telah saya maklumkan sebelum ini, Mesyuarat Jemaah Menteri baru yang pertama pada 19 Mac 2008 telah mengenalpasti keutamaan-keutamaan Kerajaan dari segi dasar setelah mengambilkira keputusan pilihanraya umum yang telah diadakan pada 8 Mac 2008. Butiran agenda pembaharuan tersebut adalah seperti berikut:

- Pertama: menangani impak kenaikan harga barang, terutamanya makanan, akibat pergolakan pasaran global;
- Kedua: mengkaji semula pelaksanaan pelan-pelan ekonomi negara bagi memastikan agar faedah pembangunan negara dinikmati setiap rakyat;
- Ketiga: mengurangkan jurang pendapatan di kalangan dan di antara golongan etnik, di samping memastikan kesaksamaan untuk semua rakyat;
- Keempat: mengurangkan kadar jenayah;
- Kelima: meneruskan usaha ke arah memerangi rasuah dan meningkatkan budaya integriti;
- Keenam: menyokong pembaharuan serta meningkatkan keyakinan rakyat terhadap institusi kehakiman;
- Ketujuh: menangani isu-isu agama yang sensitif termasuk pembinaan dan pemindahan rumah ibadat.

Dalam Kerajaan melaksanakan agenda tersebut, kita juga akan memastikan agar semua perubahan yang dilaksanakan akan berpandukan kepada Perlembagaan negara yang sedia ada selaras dengan prinsip Demokrasi Berparlimen yang telah kita amalkan selama ini. Kita yakin bahawa perubahan yang telah dan akan diumumkan oleh Kerajaan akan dapat membantu memulihkan keyakinan rakyat terhadap institusi-institusi Kerajaan di samping terus memastikan tiada penyelewengan yang berlaku, demi kesejahteraan rakyat.

Sekian, Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN MATULIDI BIN JUSOH
TARIKH : 7 MEI 2008 (RABU)
NO. PERTANYAAN : NO. 24

Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah benar Pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mensyaratkan para peminjam untuk membayar balik pinjaman selepas tiga (3) bulan tamat pengajian dan dikenakan faedah tiga (3) peratus setiap tahun daripada jumlah baki pinjaman.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peminjam PTPTN hanya diminta untuk memulakan bayaran balik pinjaman enam (6) bulan selepas tamat tempoh pinjaman. Kos pentadbiran pula hanya akan mula dikira pada waktu tersebut sebagaimana dinyatakan dalam perjanjian yang ditandatangani oleh pelajar. Bagi pelajar yang membuat penyelesaian penuh pinjaman dalam tempoh 6 bulan selepas tamat tempoh pinjaman tersebut, pelajar tidak akan dikenakan sebarang kos pentadbiran.

Penangguhan bayaran balik pinjaman boleh dipertimbangkan bagi peminjam yang masih meneruskan pengajian atau belum bekerja dengan mengemukakan permohonan rasmi ke PTPTN. Walau bagaimanapun, kos pentadbiran tetap dikenakan sepanjang tempoh penangguhan.

Sejak penubuhan PTPTN pada 1 Julai 1997 sehingga akhir tahun 2003, kos pentadbiran yang dikenakan adalah sebanyak 4 peratus setahun atas baki pokok berkurangan dan kos pentadbiran ini telah dikurangkan kepada 3 peratus setahun mulai 1 Januari 2004.

NO. SOALAN: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM

TARIKH : 7 MEI 2008 (RABU)

SOALAN : 52

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam yang telah diberikan kepada pemohon sejak 2004, mengikut pecahan kaum dan bidang pengajian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menawarkan 2 bentuk program penajaan kepada pelajar-pelajar yang memperolehi keputusan yang cemerlang iaitu Program Ijazah Luar Negara (PILN) dan Program Ijazah Dalam Negara (PIDN). Jumlah pelajar yang ditawarkan biasiswa JPA di luar dan dalam negara mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut:

JUMLAH PELAJAR YANG DITAWARKAN BIASISWA JPA DI LUAR NEGARA DARI TAHUN 2004 HINGGA 2007			
TAHUN	BILANGAN BUMIPUTERA	BILANGAN BUKAN BUMIPUTERA	JUMLAH KESELURUHAN
2004	1,187	297	1,484
2005	1,040	260	1,300
2006	1,143	357	1,500
2007	1,170	630	1,800
JUMLAH KESELURUHAN	4,540	1,544	6,084

NO. SOALAN:

JUMLAH PELAJAR YANG DITAWARKAN BIASISWA JPA DALAM NEGARA DARI TAHUN 2004 HINGGA 2007			
TAHUN	BILANGAN BUMIPUTERA	BILANGAN BUKAN BUMIPUTERA	JUMLAH KESELURUHAN
2004	3,994	430	4,424
2005	4,693	593	5,286
2006	4,727	1,026	5,753
2007	6,682	893	7,575
JUMLAH KESELURUHAN	20,096	2,942	23,038

Jumlah pelajar yang ditawarkan Biasiswa JPA di luar dan dalam negara mengikut bidang pengajian adalah seperti berikut:

JUMLAH PELAJAR YANG DITAWARKAN BIASISWA JPA DI LUAR NEGARA MENGIKUT BIDANG PENGAJIAN DARI TAHUN 2004 HINGGA 2007						
BIL	BIDANG	2004	2005	2006	2007	JUMLAH
1	PERUBATAN (PERUBATAN, FARMASI DAN PERGIGIAN)	577	537	820	902	2,836
2	SAINS DAN TEKNOLOGI	815	611	580	638	2,644
3	SASTERA DAN SAINS SOSIAL	92	152	100	260	604
	JUMLAH	1,484	1,300	1,500	1,800	6,084

JUMLAH PELAJAR YANG DITAWARKAN BIASISWA JPA DALAM NEGARA MENGIKUT BIDANG PENGAJIAN DARI TAHUN 2004 HINGGA 2007						
--	--	--	--	--	--	--

NO. SOALAN:

BIL	BIDANG	2004	2005	2006	2007	JUMLAH
1	PERUBATAN (PERUBATAN, FARMASI DAN PERGIGIAN)	841	1,200	1,335	1,592	4,968
2	SAINS DAN TEKNOLOGI	2,203	2,361	3,164	3,951	11,679
3	SASTERA DAN SAINS SOSIAL	1,380	1,725	1,254	2,032	6,391
	JUMLAH	4,424	5,286	5,753	7,575	23,038

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]
TARIKH : 7 MEI 2008
RUJUKAN : 849

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah perkembangan penyiasatan pihak polis terhadap kes beberapa individu yang didakwa telah mengimport dakwat kekal seperti yang sepatutnya digunakan oleh SPR dalam Pilihan Raya Umum ke-12 lalu dan siapakah individu-individu ini serta bilakah mereka akan didakwa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat Marang bertarikh 7 Mei 2008 kerana ia mengenai perkara yang sama. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah dan Marang yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, tiga kertas siasatan telah dibuka di bawah Seksyen 420/511, Kanun Keseksaan oleh pihak Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Polis Diraja Malaysia. Laporan polis dibuat oleh beberapa individu yang bimbang dengan penggunaan dakwat tersebut kerana mendakwa dakwat berkenaan kononnya boleh diperolehi secara mudah di negara Thailand. Mereka bimbang ada pihak-pihak yang berkepentingan akan menyalahgunakan dakwat tersebut di dalam pilihan raya umum ke-12 yang lalu.

Tuan Yang Dipertua,

Setelah laporan tersebut diteliti dan pihak polis telah menemu bual pengadu serta saksi-saksi, didapati tiada sebarang bukti menunjukkan dakwat tersebut dibawa dari negara Thailand. Ini

kerana tidak ada seorang saksi pun yang pernah melihat dakwat tersebut. Daripada keterangan saksi, tiada sebarang individu, sindiket atau pihak-pihak tertentu yang dikenal pasti terlibat dengan kegiatan ini. Keterangan pengadu dan saksi adalah merupakan khabar angin dan tiada sebarang individu yang dicam atau dikenali secara positif.

Tuan Yang Dipertua,

Kertas siasatan tersebut telah dirujuk ke kamar Timbalan Pendakwa Raya pada 14 Mac 2008 dan pada 21 Mac 2008, kes ini diklasifikasikan sebagai *no further action* (NFA) / kertas untuk simpanan (KUS).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH]

TARIKH: 7 MEI 2008

SOALAN:

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pentadbirannya telah mempunyai rancangan mengadakan rombakan semula pendekatan pentadbiran termasuk dari aspek polisi, pelaksanaan dan penyampaiannya ekoran daripada keputusan pilihan raya umum ke 12 baru-baru ini. Jika ya, sila senaraikan. Jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Mesyuarat Jemaah Menteri baru yang pertama pada 19 Mac 2008 telah mengenalpasti keutamaan-keutamaan Kerajaan dari segi dasar bagi mengambilkira keputusan pilihanraya umum yang telah diadakan pada 8 Mac 2008. Butiran agenda pembaharuan tersebut adalah seperti berikut:

- Pertama: menangani impak kenaikan harga barang, terutamanya makanan, akibat pergolakan pasaran global;
- Kedua: mengkaji semula pelaksanaan pelan-pelan ekonomi negara bagi memastikan agar faedah pembangunan-negara dinikmati setiap rakyat;
- Ketiga: mengurangkan jurang pendapatan di kalangan dan di antara golongan etnik, di samping memastikan kesaksamaan untuk semua rakyat;
- Keempat: mengurangkan kadar jenayah;
- Kelima: meneruskan usaha ke arah memerangi rasuah dan meningkatkan budaya integriti;
- Keenam: menyokong pembaharuan serta meningkatkan keyakinan rakyat terhadap institusi kehakiman;
- Ketujuh: menangani isu-isu agama yang sensitif termasuk pembinaan dan pemindahan rumah ibadat.

Dari segi pelaksanaan dan penyampaian, seperti lazimnya Jemaah Menteri akan menjadi badan utama dalam jentera badan Eksekutif bagi menggerakkan pelaksanaan dan penyampaian ke arah merealisasikan agenda pembaharuan yang telah digariskan tersebut. Selain itu mekanisme pelaksanaan di pelbagai peringkat Kerajaan kini sedang giat diperkukuhkan selari dengan usaha untuk menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Sekian, Terima kasih.

SOALAN NO. 28**PEMBERITAHU PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA AHMAD HAMZAH
KAWASAN : JASIN
TARIKH : 07.05.2008 (RABU)
SOALAN:

Y.B. DATUK WIRA AHMAD HAMZAH minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berhubung dengan pencapaian pelaburan terus luar (FDI) dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan bagi tahun 2007 berbanding tahun 2006. Bolehkah pencapaian dan aliran pelaburan dipertingkatkan bagi tahun 2008.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Saya ingin memaklumkan bahawa mengikut perangkaan rasmi, jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2007 adalah berjumlah RM125.3 bilion (RM44.2 bilion pelaburan asing dan RM81.1 bilion pelaburan domestik), berbanding RM101.5 bilion pada tahun 2006. Daripada jumlah RM125.3 bilion tersebut, RM59.9 bilion merupakan jumlah pelaburan bagi projek-projek perkilangan dan RM65.4 bilion bagi sektor perkhidmatan. Pelaburan pada tahun 2007 telah melebihi

sasaran tahunan sebanyak RM73.4 bilion setahun yang ditetapkan di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) bagi sektor-sektor ini. Projek-projek yang diluluskan dalam kedua-dua sektor ini dijangka mewujudkan 147,443 peluang pekerjaan.

Jumlah pelaburan asing yang diluluskan bagi sektor perkilangan pada tahun 2007 adalah sebanyak RM33.4 bilion atau 55.8 peratus daripada keseluruhan pelaburan asing dan domestik yang diterima dalam sektor perkilangan. Jumlah ini adalah yang tertinggi pernah dicatatkan sehingga kini dan adalah berikutan kenalkan untuk 4 tahun berturut-turut, iaitu RM20.2 bilion pada tahun 2006, RM17.9 bilion pada tahun 2005 dan RM13.1 bilion pada tahun 2004.

Bagi sektor perkhidmatan pula, pada tahun 2007 jumlah pelaburan langsung asing yang diterima adalah sebanyak RM10.8 bilion atau 16.5 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan bagi sektor tersebut. Pelaburan asing adalah terutamanya dalam subsektor pengangkutan berjumlah RM4.5 bilion, perdagangan pengedaran berjumlah RM1.95 bilion, hartanah berjumlah RM1.7 bilion, dan syarikat berstatus MSC berjumlah RM1.3 bilion.

Kerajaan memandang serius usaha meningkatkan kemasukan pelaburan asing dan sentiasa mengkaji peluang penambahbalkan.

Antara langkah berterusan yang diambil adalah:

- mewujudkan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang liberal dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing;

- **menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan (JKMP) bagi menilai dan meluluskan permohonan pelaburan yang memberi impak tinggi kepada negara;**
- **memberi tumpuan utama kepada industri berteknologi tinggi, berintensifkan modal, berasaskan sumber serta mempunyai nilai ditambah yang tinggi;**
- **menggalakkan syarikat asing yang beroperasi di Malaysia untuk membesarkan dan mempelbagaikan operasi mereka dengan menawarkan insentif-insentif fiskal dan bukan fiskal;**
- **mengambil langkah untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan;**
- **memperkenalkan insentif baru dan menambah baik insentif-insentif yang sedia ada dari semasa ke semasa;**
- **menganjurkan pelbagai program penggalakan pelaburan, termasuk misi perdagangan dan pelaburan serta misi projek spesifik ke negara sumber pelaburan asing;**
- **meningkatkan kecekapan sistem penyampaian Kerajaan. Pasukan Pemudahcara Perniagaan atau PEMUDAH telah ditubuhkan pada tahun 2007; dan**

- Melancarkan lima Koridor Pembangunan Ekonomi untuk menarik minat pelabur asing. Koridor-koridor pembangunan tersebut telah memperkenalkan pakej-pakej insentif tambahan, seperti pengkecualian cukai korporat, kebenaran mendapatkan sumber modal asing dan kelonggaran syarat pengambilan pekerja mahir asing. Insentif yang diberikan adalah lebih khusus kepada sektor-sektor ekonomi yang strategik. Pada tahun 2007, negeri Johor dengan Koridor Pembangunan Iskandar telah mencatatkan kemasukan pelaburan asing tertinggi iaitu sebanyak RM6.75 billion.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan nilai pelaburan yang telah diluluskan pada dua bulan pertama tahun ini bagi sektor perkilangan, iaitu RM5.1 billion pelaburan domestik dan RM2.4 billion pelaburan asing, aliran pelaburan seperti tahun 2007 dapat dicapai dan terus dipertingkatkan.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING (TAIPING)

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 07.05.2008

SOALAN NO : 29

Y.B. Tuan Nga Kor Ming (Taiping) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan hutang negara sama ada luar atau dalam negara serta jumlah wang rizab negara dari tempoh 1/3/1999 hingga 1/3/2008.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Hutang negara terdiri daripada hutang luar negara jangka panjang dan jangka pendek bagi Kerajaan Persekutuan, Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dan sektor swasta. Setakat 31 Disember 2007, jumlah hutang negara ialah sebanyak RM187.4 bilion (USD56.6 bilion) atau 30% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Dari jumlah tersebut, hutang luar negara Kerajaan Persekutuan adalah kecil iaitu RM19.6 bilion atau 10.5% manakala bakinya sebanyak RM167.8 bilion (89.5%)

adalah hutang PABK dan sektor swasta. Sebahagian besar hutang negara, mewakili 71% adalah hutang jangka sederhana dan panjang manakala selebihnya adalah hutang jangka pendek.

2. Kedudukan hutang luar negara berjumlah RM187.4 bilion (USD56.6 bilion) adalah kecil berbanding dengan rezab antarabangsa RM335.7 bilion (USD101.3 bilion) pada 31 Disember 2007. Kejayaan negara mengawal paras hutang luar adalah kerana Malaysia melaksanakan strategi pengurusan hutang yang berhemat, disokong dengan sistem pemantau yang komprehensif, bagi mengurangkan pergantungan terhadap pembiayaan luar negara, dan seterusnya meminimumkan risiko terhadap kejutan kadar faedah global, pergerakan kadar pertukaran dan perubahan sentimen pelabur. Bagi sektor swasta, mereka meminjam dari luar negara, hanya jika perlu untuk membiayai aktiviti ekonomi yang produktif yang mampu menjana terimaan tukaran asing untuk membayar balik pinjaman. Kerajaan Persekutuan pula mengekalkan amalan untuk mendapatkan keperluan pembiayaan dari sumber dalam negeri bukan inflasi kerana kecairan pasaran domestik yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah. Tahun 2007 adalah merupakan tahun keempat berturut-turut, Kerajaan Persekutuan tidak meminjam daripada pasaran modal luar negara. Secara keseluruhan, Malaysia berada dalam kategori "*Medium Indebteness Country*" mengikut klasifikasi Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

3. Rizab antarabangsa yang dipegang oleh Bank Negara Malaysia (BNM) terdiri daripada pegangan pertukaran asing dan emas, kedudukan rizab IMF dan pegangan Hak Pengeluaran Khas (*Special Drawing Rights*). Pada 31 Mac 2008, jumlah rizab antarabangsa Malaysia meningkat kepada USD120.3 bilion (RM384.7 bilion) berbanding tahun 2007 berjumlah USD101.3 bilion (RM335.7 bilion). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh lebih dagangan besar yang disokong oleh eksport komoditi yang kukuh serta aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan portfolio yang lebih besar, mencerminkan prospek ekonomi yang bertambah baik dan keyakinan pelabur yang kukuh. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan rizab antarabangsa negara bagi tempoh 1999 sehingga Mac 2008 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Rizab Antarabangsa	
	(USD bilion)	(RM bilion)
1999	30.9	117.3
2000	29.9	109.0
2001	30.8	113.6
2002	34.6	128.2
2003	44.9	168.0
2004	66.7	251.7
2005	70.5	265.3
2006	82.5	290.4
2007	101.3	335.7
31 Mac 2008	120.3	384.7

PEMBERITAHU PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT**

**DARIPADA : TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI
(KAPIT)**

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 07.05.2008 SOALAN NO: 09

Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan ekonomi dunia sekarang dengan ekonomi negara Malaysia. Ini memandangkan ada banyak faktor seperti kemerosotan ekonomi serta mata wang dolar negara Amerika Syarikat, kenaikan harga minyak mentah, kenaikan mata wang Euro yang berlaku masa kini yang boleh memberi kesan baik atau buruknya kepada ekonomi negara Malaysia.

dan

**DARIPADA : TUAN RAZALI BIN HAJI IBRAHIM
(MUAR)**

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 07.05.2008 SOALAN NO: 30

Tuan Razali bin Haji Ibrahim (Muar) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah awal bagi memastikan bahawa sekiranya terjadi kemelesetan ekonomi Amerika Syarikat, negara kita bersedia untuk menanggung sebarang cabaran ekonomi kerana AS masih merupakan rakan perdagangan terbesar Malaysia.

dan

**DARIPADA: PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF (RANTAU PANJANG)**

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 14.05.2008

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff (Rantau Panjang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menghadapi kemungkinan kemelesetan ekonomi global ke atas pertumbuhan ekonomi negara.

dan

DARIPADA : TUAN RAIME BIN UNGGI (TENOM)

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 27.05.2008

Tuan Raime bin Unggi (Tenom) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah faktor-faktor yang menjadikan dasar ekonomi negara mapan walaupun ekonomi global mengalami kesan daripada kenaikan harga minyak mentah dunia, di samping kemelesetan ekonomi di Amerika Syarikat (AS).

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ahli Yang Berhormat dari Kapit bersama-sama dengan soalan ahli Yang Berhormat dari Muar, Rantau Panjang dan Tenom yang dijadualkan dijawab pada 7

Mei 2008, 14 Mei 2008 dan 27 Mei 2008, masing-masing kerana menyentuh mengenai perkara dan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam tempoh 50 tahun, Malaysia telah mencapai kemajuan pesat dalam membangunkan ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup rakyat. Dalam tempoh ini, ekonomi telah berkembang pada paras purata 6.3% setahun. Pendapatan per kapita meningkat kepada RM23,103 pada tahun 2007. Struktur ekonomi juga telah melalui proses transformasi yang pesat daripada sebuah ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi berasaskan pembuatan dan perkhidmatan dan kini menuju ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan. Negara juga telah beralih dari sebuah negara berpendapatan rendah kepada negara berpendapatan sederhana tinggi. Kita telah berjaya menurunkan kadar kemiskinan ke paras 3.6% dan kemiskinan tegar kepada 0.7% pada tahun 2007. Di samping itu, Kerajaan juga telah membina pelbagai kemudahan infrastruktur bertaraf dunia yang berupaya menampung pembangunan perindustrian negara.

Kejayaan ini dicapai walaupun Malaysia terpaksa menghadapi pelbagai krisis, seperti masalah kenaikan harga minyak (1975), krisis harga komoditi (1985-1986), krisis kewangan (1997-1998) dan kemelesetan ekonomi dunia akibat insiden 11 September 2001. Namun, setiap kali kita menghadapi krisis, gandingan padu antara Kerajaan dan rakyat telah berjaya meletakkan semula ekonomi di atas landasan yang kukuh. Kejayaan kita ini

adalah berasaskan kepada dasar-dasar yang pragmatik dan inovatif dan keupayaan kita untuk "*think out of the box*".

Tuan Yang di-Pertua,

Cabaran yang dihadapi oleh negara pada masa ini adalah lebih tidak menentu. Sebahagian daripadanya adalah satu kitaran yang boleh ditangani segera tetapi sebahagian besar merupakan masalah struktur yang memerlukan masa yang lebih panjang untuk di atasi. Contoh cabaran kitaran adalah tahap keyakinan yang mempengaruhi pelaburan. Contoh cabaran struktur adalah kenaikan harga bahan bakar, makanan dan komoditi.

Walau bagaimana pun, peningkatan daya tahan dan daya saing yang telah kita bina sejak 50 tahun yang lalu dan pengajaran yang kita dapati dari setiap krisis yang dihadapi, telah menjadikan Malaysia lebih bersedia untuk berhadapan dengan cabaran ini. Langkah mempelbagaikan eksport akan diteruskan supaya ekonomi negara tidak terjejas akibat kelembapan ekonomi Amerika Syarikat (AS). Pada masa yang sama, negara dapat memanfaatkan peluang pasaran daripada ekonomi pesat membangun seperti China, India dan Vietnam. Pada tahun 2007, eksport ke AS berkurangan kepada 15.6% manakala eksport ke Ekonomi Asia meningkat kepada 54% (tidak termasuk Jepun) dengan eksport ke China meningkat kepada 8.8%. Eksport ke negara ASEAN (tidak termasuk Singapura) juga meningkat kepada 10.9%.

Selain itu, langkah mengukuhkan permintaan dalam negeri telah berjaya mengurangkan impak persekitaran luar yang tidak menentu. Pada tahun 2007, ekonomi berkembang pada paras 6.3%. Perbelanjaan dalam negeri merupakan penyumbang utama dengan bahagiannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 87.4%. Penggunaan dan pelaburan swasta yang masing-masing berkembang pada paras 11.7% dan 12.3% telah menyumbang kepada pertumbuhan ini di mana bahagiannya kepada KDNK mencapai 63.2% pada tahun 2007. Kerajaan akan meneruskan strategi meningkatkan perbelanjaan dalam negeri dengan meneruskan dasar mesra perniagaan dan meningkatkan pendapatan rakyat supaya sektor swasta terus menjadi teraju utama pertumbuhan ekonomi.

Dalam Bajet 2008, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai langkah berkaitan dasar cukai dan bukan cukai untuk meningkatkan daya saing negara, memperkasa pembangunan modal insan dan menjamin kesejahteraan rakyat. Antara langkah cukai yang dilaksanakan ialah mengurangkan cukai pendapatan korporat sebanyak dua mata peratusan dan memperkenalkan sistem cukai *single-tier*. Selain itu, pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, pembangunan kelima-lima koridor wilayah ekonomi dijangka akan membawa kemajuan yang lebih pesat dan seimbang yang mana akan memberi manfaat kepada seluruh lapisan masyarakat.

NO: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : Bagi Jawab Lisan

**DARIPADA : Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid
[Padang Besar]**

TARIKH : 7 Mei 2008 (Rabu)

SOALAN : 31

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan **sama** ada Kerajaan masih cenderung untuk meluluskan pembinaan sebuah lapangan terbang yang besar berbanding dengan yang ada sekarang di Pulau Tioman, di mana sudah pasti akan memusnahkan sebahagian besar dari "colony" batu karang yang tertua dan unik di dunia.

Jawapan :

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan masih cenderung untuk membina satu lapangan terbang baru di Pulau Tioman bagi memenuhi sepenuhnya ciri-ciri keselamatan mengikut piawaian antarabangsa International Civil Aviation Organization (ICAO). Lapangan terbang yang sedia ada mempunyai kekurangan seperti berikut:

- (i) Kawasan pendaratan di lapangan terbang yang disediakan tidak memenuhi sepenuhnya keperluan galangan memandangkan terdapat bukit di hadapan dan di belakang landasan terbang; dan
- (ii) Pembesaran/pemanjangan landasan tidak dapat dibuat untuk menampung pesawat yang lebih besar iaitu Boeing 737 tanpa melibatkan kos yang tinggi dan pengambilan semula sebahagian dari kawasan Kampung Tekek. Pada ketika ini, kesampaian pelancong ke Pulau ini agak terhad disebabkan keupayaan lapangan terbang sekarang yang hanya mampu mengendalikan pesawat jenis *Dash-7* dengan kapasiti penumpang sebanyak 50 orang sekali penerbangan. Keadaan bertambah sukar apabila musim tengkujuh di mana perhubungan melalui jalan laut tidak dapat dilakukan kerana ombak besar.

Kajian terumbu yang dijalankan mendapati hanya kurang daripada 10% terumbu yang perlu dialihkan di mana Kementerian sedang mengambil langkah untuk memindahkannya. Di samping itu, dalam melaksanakan projek ini, Kementerian juga mengambil beberapa langkah yang perlu untuk memastikan alam sekitar terpelihara termasuk:

- (i) *Sand source study*;
- (ii) *Analysis of grains*;
- (iii) Kajian impak sosial; dan
- (iv) Kajian Geologi.

Selain itu, Lapangan Terbang lebih besar akan membolehkan hubungan udara ke destinasi baru di luar negara dan seterusnya meningkatkan aktiviti pelancongan. Di samping itu, ia juga dapat membantu dalam pembangunan jangka masa panjang Pulau Tioman.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' ABU BAKAR BIN TAIB
TARIKH : 7 MEI 2008
SOALAN :

Y.B. DATO' ABU BAKAR BIN TAIB [Langkawi] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan:-

- a) apakah pendekatan baru untuk menggalakkan para belia yang menganggur di desa dan kota menceburi bidang pekerjaan sama ada bidang pembuatan, perkilangan, perkhidmatan hatta dalam bidang pengawalan keselamatan di lapangan terbang yang sekarang rata-ratanya dipenuhi oleh pekerja asing; dan
- b) berapakah jumlah pekerja asing di bidang kawalan keselamatan di hotel dan lapangan terbang dan berapakah purata gaji mereka.

PR-1211-L12135

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang berat masalah pengangguran yang berlaku di negara ini terutamanya di kalangan belia. Sehubungan itu, Kementerian Sumber Manusia telah dan akan terus melaksanakan program-program bagi menangani masalah ini. Antara program yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

Program menarik lebih ramai pencari kerja khususnya belia-belia untuk mendaftar dengan sistem Electronic Labour Exchange (ELX). Melalui sistem ini, pencari kerja boleh dipadankan dengan kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat di dalam sistem di pelbagai bidang jawatan dan sektor mengikut kesesuaian kelayakan dan pengalaman masing-masing;

Untuk memudahkan belia-belia mendaftar di dalam sistem ELX, Kementerian juga menganjurkan Karnival Pekerjaan di seluruh negara. Semasa Karnival Pekerjaan, perkhidmatan ELX dibawa terus kepada pencari kerja untuk memudahkan mereka mendaftar. Di samping itu, penyertaan majikan-majikan yang mempunyai kekosongan jawatan di dalam karnival membolehkan pencari kerja memohon pekerjaan dan ditemuduga secara terus oleh majikan-majikan berkenaan.

Memperluaskan peluang dan akses latihan kepada belia-belia di seluruh negara di dalam bidang vokasional dan kemahiran di institut-institut latihan kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian-kementerian lain. Sehubungan itu Kementerian Sumber Manusia juga telah melaksanakan Program Pra Sijil untuk membolehkan mereka yang kurang berkelayakan untuk mengikuti latihan dalam pelbagai bidang kemahiran di Institut-institut Latihan Kemahiran di bawah Kementerian. Di samping itu Kementerian ini akan membina sebanyak 9 buah lagi Institut Latihan Kemahiran di bawah RMK9 untuk menambah bilangan pengambilan pelatih di kalangan belia.

Di samping itu, Kementerian Sumber Manusia telah melaksanakan **skim perantisan** yang dikenali sebagai **Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)**. Kurikulum yang dilaksanakan adalah berpandukan kepada *National Occupational Skills Standard (NOSS)*. Program latihan yang ditawarkan di bawah skim ini melibatkan industri-industri yang memerlukan tenaga kerja mahir. Semua pelatih diwajibkan menjalani latihan '*off the job*' di pusat-pusat latihan yang diluluskan dan latihan '*on the job*' di premis majikan di sektor swasta untuk mendedahkan mereka dengan pengalaman kerja;

Kerajaan juga menyediakan **kemudahan pinjaman** melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) bagi belia lepasan sekolah untuk mengikuti kursus kemahiran di institusi-institusi latihan kemahiran awam dan swasta yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK);

Selain daripada itu, Kerajaan melalui pelbagai Kementerian dan agensi turut menyediakan kemudahan latihan di dalam **bidang keusahawanan** untuk menggalakkan belia melibatkan diri dalam bidang perniagaan atau bekerja sendiri.

Tuan Yang Di-Pertua

Untuk pertanyaan kedua, mengikut statistik Kementerian Dalam Negeri, jumlah pekerja asing di dalam sektor kawalan keselamatan pada Januari 2008 adalah seramai 4,497 orang. Mereka ini digajikan oleh 410 syarikat kawalan keselamatan yang dilesenkan oleh Kementerian Dalam Negeri. Kesemua pekerja asing ini bertugas di pelbagai sektor di mana syarikat-syarikat kawalan keselamatan itu mempunyai kontrak perkhidmatan. Purata upah pekerja asing ini adalah sebanyak RM750 sebulan.

Kementerian Sumber Manusia pada masa sekarang sedang mengkaji kadar upah dan terma-terma perkhidmatan sektor kawalan keselamatan untuk tujuan menetapkan kadar gaji minimum untuk pekerja-pekerja di sektor ini. Kementerian berharap penambahbaikan upah dan terma perkhidmatan di sektor ini akan menarik minat lebih ramai rakyat tempatan untuk bekerja di sektor tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI NASHRUDIN BIN MAT ISA
(BACHOK)**

TARIKH : 7.5.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI NASHRUDIN BIN MAT ISA (BACHOK) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah sistem pengantaraan bahasa Melayu akan menggantikan bahasa Inggeris dalam pembelajaran anak-anak di semua peringkat persekolahan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagaimana perubahan yang dibuat ke atas mana-mana sistem, sudah tentu wujud beberapa kekangan di peringkat awal pelaksanaan. Begitu juga dengan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). Kerajaan amat memahami dan prihatin di atas kebimbangan sesetengah pihak terhadap kesan pelaksanaan PPSMI.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) juga sedar serta menjangkakan pelbagai rintangan dan kelemahan yang bakal dihadapi terutamanya pada peringkat awal pelaksanaan. Ini adalah disebabkan pengajaran di bilik darjah memerlukan perubahan dari segi kemahiran dan amalan. Untuk makluman, pada masa ini pelaksanaan PPSMI baru memasuki tahun ke enam dan KPM pasti bahawa apabila guru yang terlibat telah semakin yakin dan cekap, pelaksanaan di bilik darjah akan bertambah mantap.

Atas dasar ini, kementerian akan menilai semula pelaksanaan tersebut mengikut keputusan kajian terperinci dan pemantauan pihak kementerian berdasarkan fakta-fakta yang diberikan kepada pihak kementerian.

Pada masa yang sama, KPM akan membuat penilaian dan pemantauan terhadap pelaksanaan PPSMI secara menyeluruh khususnya bagi kohort Tahun 6 yang mengambil UPSR tahun ini (2008) kerana kohort ini telah mengikuti PPSMI selama 6 tahun iaitu mulai dari Tahun 1 (2003). Penilaian ini dibuat sebanyak dua kali setahun untuk melihat tahap pelaksanaan, pencapaian dan kemajuan secara berkala murid-murid, dari segi penguasaan bahasa Inggeris dengan mengambil kira data daripada setiap sekolah dan guru di seluruh negara.

Apa yang penting di sini ialah dapatan penilaian ini akan digunakan untuk KPM sebagai penanda aras sebelum membuat keputusan berkaitan pelaksanaan PPSMI sama ada diteruskan atau membuat penambahbaikan demi untuk memantapkan lagi dasar ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN TAIB AZAMUDDIN BIN MD TAIB
(BALING)**

TARIKH : 7 MEI 2008

**SOALAN : TUAN TAIB AZAMUDDIN BIN MD TAIB
(BALING)**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan akan mengekalkan amalan menafikan peruntukan bantuan kecil sebanyak RM500,000 setahun itu kepada Ahli-ahli Parlimen yang bukan Barisan Nasional.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Peruntukan kepada kawasan Parlimen ini adalah merupakan Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri Untuk Kawasan Parlimen

dan disalurkan kepada semua kawasan Parlimen melalui Pejabat Pembangunan Negeri di negeri masing-masing. Selepas Pilihanraya Umum ke-12 tahun 2008, peruntukan yang disalurkan untuk setiap kawasan Parlimen adalah RM500,000. Semua Y.B. Ahli Parlimen boleh mencadangkan kepada PPN projek-projek yang bersesuaian untuk dilaksanakan menggunakan peruntukan berkenaan. PPN akan mempertimbangkan cadangan tersebut berdasarkan kepada garis panduan dan peraturan-peraturan kewangan yang sedia ada.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : YB. Tuan Zulkifli bin Noordin

TARIKH : 7 Mei 2008

JAWAPAN:

Kajian yang dijalankan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mendapati jumlah orang Melayu beragama Islam yang telah menukar status agama mereka ke agama lain sejak tahun 2000 sehingga 2006 adalah seramai 71 orang. Kebanyakan mereka terdiri daripada golongan muallaf.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawal/membendung gejala ini ialah:

- i. Melaksana dan meningkatkan lagi aktiviti dakwah secara bersepadu di antara agensi Kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.
- ii. Mewujudkan program pemantauan akidah yang bersepadu secara berterusan.
- iii. Menjaga kebajikan masyarakat Islam khususnya golongan muallaf dengan lebih menyeluruh.
- iv. Memantapkan pengurusan agihan baitu'imal untuk kumpulan-kumpulan asnaf khususnya golongan muallaf.
- v. Meningkatkan tahap penguatkuasaan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam.
- vi. Memperkasakan Program Khidmat Nasihat dan bimbingan keluarga di Masjid.

NO: 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD.
YUSOFF (RANTAU PANJANG)**

TARIKH : 7 MEI 2008 (RABU)

SOALAN : 36

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan berpuas hati terhadap peningkatan kos pembinaan landasan Keretapi Berkembar sepanjang 329 km yang menghubungkan Ipoh ke Padang Besar, yang dikatakan meningkat dari RM8 bilion kepada RM12485 bilion oleh Pengarah MMC – Gamuda JV, Datuk Ir. Azmi Mat Nor. Jelaskan sebab-sebab peningkatan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dalam melaksanakan projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh – Padang Besar, kerajaan tidak dapat mengelakkan peningkatan kos projek berkenaan. Harga kontrak sebanyak RM12.485 bilion yang dipersetujui oleh Kerajaan merupakan kos projek yang munasabah, hasil dari rundingan di antara kerajaan dengan MMC-Gamuda JV. Untuk makluman, harga kontrak telah mengambil kira statistik peningkatan kos yang diperolehi daripada sumber-sumber yang sahih. Pengesahan terhadap maklumat-maklumat tersebut juga menunjukkan senario sebenar berhubung peningkatan kos bahan pembinaan di negara ini.

Antara faktor kenaikan kos projek berkenaan adalah disebabkan oleh faktor peningkatan harga bahan binaan berikut pada masa kini berbanding tahun 2003:

a) <i>Reinforced bar</i>	44%
b) <i>Diesel</i>	122%
c) <i>Aggregate/quarry material</i>	20%
d) <i>Cement/concrete</i>	32.6%
e) <i>Copper and aluminium for cables</i>	262% & 70%
f) <i>Flat steel products (sheet piles, roofing material)</i>	70%
g) <i>Long steel product (rail)</i>	61.3%

Di samping itu, kenaikan gaji dan upah pekerja serta peningkatan dalam kadar pertukaran wang asing juga turut menyumbang kepada peningkatan kos projek berbanding dengan beberapa tahun dahulu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 7 MEI 2008

RUJUKAN : 844

Soalan :

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana kesungguhan Kerajaan menilai semula Akta Keselamatan Dalam Negeri bagi memulihkan prinsip 'hak untuk mendapatkan keadilan'.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Buntar yang mengemukakan soalan. Untuk makluman Yang Berhormat, penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 oleh Kerajaan sememangnya adalah bertujuan untuk menegakkan prinsip 'hak untuk mendapatkan keadilan'. Maksudnya di sini adalah, penguatkuasaan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 telah berupaya untuk memastikan hak majoriti rakyat Malaysia untuk hidup secara aman dan selamat di negara ini dapat terus dikekalkan. Sejak Akta ini dikuatkuasakan, Kerajaan telah berjaya mematahkan pelbagai kegiatan yang mengancam keselamatan negara sekali gus dapat mengekalkan keamanan, keharmonian dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya.

Walau bagaimanapun, sekiranya prinsip 'hak untuk mendapatkan keadilan' hanya difokuskan kepada kumpulan yang kecil iaitu orang tahanan, Kerajaan berpandangan hak mereka untuk mendapatkan keadilan sememangnya telah dinyatakan di dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang mana di bawah peruntukan Seksyen 11 (1) & (2) Akta tersebut, orang tahanan mempunyai hak untuk mengemukakan rayuan kepada sebuah badan bebas iaitu Lembaga Penasihat. Selain itu, orang tahanan juga berhak mengemukakan permohonan '*Writ of Habeas Corpus*' kepada Mahkamah Tinggi jika dirasakan penahanan mereka adalah tidak menepati prosedur dan peraturan yang ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI
[KUALA NERUS]
TARIKH : 7 MEI 2008
RUJUKAN : 845

Soalan:

Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menggunakan kuota dan nisbah dalam pengambilan tenaga asing dalam sektor tertentu.

JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 7.5.2008

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan telah memperkenalkan sistem pengambilan pekerja asing secara sistematik berdasarkan norma, kuota dan nisbah tertentu melalui Pusat Kelulusan Setempat Pekerja Asing, Kementerian dalam Negeri bermula 1 Ogos 2005. Pegawai-pegawai daripada lima Kementerian, dan Agensi iaitu Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan bertindak selaku penemuduga yang menilai dan meneliti keperluan majikan dengan mengambil kira syarat-syarat, kuota dan nisbah kelulusan yang dibenarkan.

Kuota dan nisbah tertentu bagi kelulusan pekerja asing ditetapkan berbeza-beza mengikut sektor masing-masing. Sebagai contoh, perkiraan kelulusan untuk majikan menggaji pekerja asing sektor perkilangan ditetapkan berdasarkan nisbah bilangan pekerja tempatan sedia ada. Untuk syarikat yang tidak berorientasikan eksport, nisbah kelayakan mereka adalah seorang pekerja asing untuk seorang pekerja tempatan (1:1). Untuk pembuatan barangan elektronik, nisbahnya adalah seorang pekerja asing untuk dua orang pekerja tempatan (1:2).

Norma kelulusan untuk sektor pertanian pula ditetapkan secara terperinci berdasarkan keluasan tanah dan jenis tanaman atau ternakan yang diusahakan majikan. Begitu juga untuk sektor perkhidmatan, perladangan dan pembinaan, Kerajaan telah menetapkan syarat-syarat kelulusan yang terperinci mengikut kajian keperluan yang dilaksanakan oleh Kementerian dan Agensi yang terlibat untuk sektor masing-masing.

Pada masa ini, Kementerian sedang mengkaji cadangan untuk memperketatkan kuota dan nisbah kelulusan dan mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat bagi menjamin peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan dan mengelakkan penganiayaan terhadap pekerja asing. Dalam masa yang sama, matlamat Kerajaan untuk mengurangkan bilangan pekerja asing di Malaysia akan dapat dicapai secara beransur-ansur tanpa menjejaskan pembangunan ekonomi negara.

PERTANYAAN DI DEWAN RAKYAT

DARIPADA : TUAN NGEH KOO HAM (BERUAS)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 07.05.2008

Tuan Ngeh Koo Ham (Beruas) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah cukai pendapatan dan lain-lain cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Persekutuan yang dibayar oleh rakyat Negeri Perak untuk tempoh 5 tahun yang lepas.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah cukai pendapatan yang diterima oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri di Perak bagi tempoh 2004-2007 berjumlah RM4,648.23 juta. Manakala, bagi cukai tidak langsung pula yang diterima melalui Jabatan Kastam Diraja di Perak bagi tempoh yang sama adalah sebanyak RM2,352.04 juta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD
(KOTA RAJA)**

TARIKH : 7 MEI 2008

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah rasional melantik Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) di peringkat Persekutuan bagi negeri-negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Kelantan.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman YB., Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tidak melantik JKKK bagi mana-mana negeri yang dinyatakan. Pelantikan JKKK adalah masih di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Cadangan penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Persekutuan (JKPPP) oleh Kementerian hanya satu bentuk mekanisme yang dapat membantu

Kerajaan Pusat dan Kementerian khususnya dalam melaksanakan program-program Kementerian di peringkat kampung secara berkesan dan menepati objektif pelaksanaannya untuk meningkatkan ekonomi dan taraf hidup masyarakat luar bandar.

NO. SOALAN : 41

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID
[KUALA KRAU]**

TARIKH : 7 MEI 2008

SOALAN : 41

Tuan Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah status sungai-sungai di negara ini dan apakah perancangan terkini terhadap usaha-usaha memulihkan sungai memandangkan usaha sebelum ini kurang berjaya membersihkan sungai di negara ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan program pengawasan kualiti air sungai yang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi 143 lembangan sungai di seluruh negara, sebanyak 91 (64%) lembangan sungai dikategorikan sebagai “bersih”, 45 (31%) lembangan “sederhana tercemar” dan 7 (5%) lembangan “tercemar” pada tahun 2007. Ini menunjukkan peningkatan dalam kualiti keseluruhan air sungai berbanding tahun 2006 di mana terdapat hanya 80 (55%) lembangan “bersih” manakala 59 (40%) lembangan “sederhana tercemar” dan 7 (5%) lembangan “tercemar”. Berdasarkan angka-angka di atas adalah jelas langkah-langkah di bawah program pengawasan kualiti air sungai telah membawa kesan yang positif.

Antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengatasi masalah pencemaran sungai termasuk :-

- (i) Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-peraturan di bawahnya di mana punca-punca pencemaran yang gagal mematuhi undang-undang dikenakan tindakan keras;

- (ii) Mengarah dan menghendaki pihak terlibat dengan punca-punca pencemaran memasang dan mengendali kelengkapan kawalan pencemaran seperti membina perangkap sampah dan perangkap kelodak. Sejumlah 168 perangkap sampah telah dipasangkan di 112 lembangan sungai dan kesan daripada langkah ini jumlah sampah yang dikutip setiap hari memang banyak;

- (iii) Mempertingkatkan aktiviti kesedaran dan pendidikan alam sekitar serta khidmat nasihat kepada punca-punca pencemaran termasuklah mengadakan sesi dialog bagi membantu mereka menyelesaikan masalah dan mematuhi peruntukan undang-undang. Pada tahun 2007 sebanyak 155 dialog, 108 pameran dan 10 gotong royong telah diadakan; dan

- (iv) Melaksanakan program Pencegahan Pencemaran dan Peningkatan Kualiti Air Sungai untuk mempertingkatkan kualiti air sungai. Pelaksanaan Pelan Tindakan Pencegahan Pencemaran dan Peningkatan Kualiti Air Sungai akan melibatkan berbagai agensi berkaitan mengikut bidang kuasa masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]
TARIKH : 7 MEI 2008
RUJUKAN : 846

Soalan:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk mengurangkan kemasukan pekerja asing di dalam ibu kota. Jika tidak, sila nyatakan sebabnya.

JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 7.5.2008

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan telah mengambil tindakan kawalan diperingkat kelulusan bagi mengelakkan berlakunya lambakan pekerja asing di negara ini. Kawalan ini adalah secara menyeluruh dan tidak terhad kepada kemasukan di ibu kota semata-mata. Dalam masa yang sama, Kerajaan menyedari faktor kemasukan ramai pekerja asing ke ibu kota dan sekitar Lembah Klang adalah disebabkan aktiviti-aktiviti ekonomi seperti perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan lebih tertumpu di kawasan berkenaan berbanding kawasan-kawasan lain di Malaysia. Fenomena ini adalah perkara biasa yang berlaku di seluruh dunia.

Kerajaan juga tidak boleh menghalang pekerja-pekerja asing yang sah untuk masuk bersiar-siar ke ibu kota terutamanya pada waktu-waktu cuti umum dan perayaan. Ini merupakan hak asasi semua warga asing dan tempatan selagi mengikut lunas undang-undang dan peraturan negara. Apa yang penting adalah penguatkuasaan berterusan Jabatan Imigresen dan Polis Di Raja Malaysia untuk memastikan mereka mengawal tingkah laku dan tidak melakukan kekacauan, aktiviti jenayah atau perlakuan yang tidak bermoral.

SOALAN:43

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA : TUAN CHUA TEE YONG (LABIS)

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 07.05.2008

Tuan Chua Tee Yong (Labis) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah sektor-sektor di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan dalam negara ini yang telah menerima subsidi petroleum dan diesel daripada Kerajaan. Nyatakan sektor manakah terbanyak menerima pemberian tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2007 jumlah tanggungan Kerajaan ke atas produk petroleum ialah RM16.18 bilion, iaitu RM8.77 bilion untuk pemberian subsidi dan RM7.41 bilion untuk pengecualian cukai. Daripada jumlah subsidi yang diberikan dalam tahun tersebut, sektor runcit menerima subsidi yang paling banyak iaitu RM2.77 bilion bagi petrol dan RM2.56 bilion bagi diesel. Sektor nelayan pula menerima subsidi RM0.05 bilion bagi petrol dan RM1.12 bilion bagi diesel. Sektor pengangkutan awam dan bot sungai masing-masing menerima subsidi diesel berjumlah RM0.67 bilion dan RM0.08 bilion. Bagi gas memasak (LPG) pula, Kerajaan telah memberikan subsidi berjumlah RM1.52 bilion.

2. Di samping itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2008 tanggungan Kerajaan dianggarkan meningkat kepada RM26.16 bilion iaitu RM18.31 bilion untuk subsidi dan RM7.85 bilion untuk pengecualian cukai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN NORAH BINTI ABD. RAHMAN
(TANJONG MANIS)**

TARIKH : 7 MEI 2008

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan status perancangan jalan-jalan untuk menghubungi kampung-kampung di Sarawak.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) sejumlah RM329.28 juta diluluskan bagi pelaksanaan 34 projek Jalan Luar Bandar (JALB) Negeri Sarawak yang melibatkan pembinaan dan naik taraf jalan sepanjang 208.11 km.

Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM83.55 juta telah diagihkan pada tahun 2008 untuk membiayai tujuh (7) projek dalam pembinaan dan selebihnya (20 projek) dalam pelbagai peringkat perancangan (tujuh (7) projek telah siap sepenuhnya sepanjang 33.27km).

Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak, masih terdapat sepanjang 20,000 km jalan yang perlu diturap / dibina bagi negeri Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Kajian Separuh Penggal (KSP) RMKe-9, Kementerian ini telah menerima sebanyak 113 permohonan projek baru dengan anggaran kos berjumlah RM1.948 billion yang melibatkan pembinaan dan naik taraf jalan sepanjang 847.85 km. Pihak Kementerian telah mengemukakan untuk pertimbangan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan belum mendapat keputusannya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN LIM LIP ENG**

TARIKH : **7 MEI 2008**

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG (Segambut) minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah benar bahawa operator-operator bas awam diberikan kebebasan memilih laluan bas mereka sehinggakan tiada laluan bas di banyak tempat kerana laluan bas di sana tidak menguntungkan dan apakah subsidi kerajaan diperuntukkan di kawasan-kawasan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, operator bas awam boleh memilih laluan operasi mereka semasa membuat permohonan lesen. Walau bagaimanapun, setiap permohonan hendaklah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan; antaranya perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan atau persetujuan bertulis daripada Pihak Berkuasa Tempatan berhubung laluan yang dipohon termasuk juga penggunaan kemudahan terminal yang disediakan. Lazimnya keputusan Kerajaan untuk meluluskan sesuatu laluan akan mengambil kira penyediaan

perkhidmatan di laluan sosial supaya perkhidmatan pengangkutan awam ditawarkan ke semua laluan yang memerlukan perkhidmatan.

Secara umum, Kerajaan tidak menyediakan subsidi secara langsung kepada pengusaha bas di laluan sosial. Walau bagaimanapun, bagi membantu industri pengangkutan awam, pelbagai langkah telah diambil seperti menyediakan Tabung Perkhidmatan Pengangkutan Awam, memberikan subsidi harga diesel, mengurangkan cukai jalan dan memberikan geran bagi penggunaan enjin NGV.


Disediakan Oleh

:


NOR NEKMAN BIN JAIMON 21/4/2009
KPP (LPKP) 1


Disemak Oleh

:


NAIMAH BT RAMLI 22/4/08
PENGARAH LPKP

Diluluskan Oleh

:


ALWI BIN HAJI IBRAHIM 22/4
TKSU (P)

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN ROSNAH BINTI ABDUL RASHID SHIRLIN
(PAPAR)**

TARIKH : 7.5.2008

SOALAN:

Y.B. PUAN ROSNAH BINTI ABDUL RASHID SHIRLIN (PAPAR) minta Menteri Pelajaran menyatakan keputusan SPM dan pencapaian para pelajar di sekolah-sekolah vokasional di seluruh Malaysia mengikut pecahan negeri, bangsa dan gender bagi tahun 2004 hingga kini serta nyatakan program hala tuju atau pelan susulan yang disediakan oleh Kementerian bagi para pelajar yang gagal atau kurang cemerlang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada tahun 1996, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menaik taraf sebanyak 69 buah sekolah menengah vokasional (SMV) kepada sekolah menengah teknik (aliran vokasional). Sekolah tersebut telah menawarkan tiga (3) aliran iaitu teknikal, vokasional dan latihan kemahiran.

Berhubung dengan keputusan pencapaian keseluruhan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) murid di sekolah menengah teknik (aliran vokasional) di seluruh Malaysia telah menunjukkan peningkatan, iaitu 91.43 peratus pada tahun 2004 kepada 93.72 peratus pada tahun 2007. Kesemua negeri telah menunjukkan peningkatan dalam keputusan SPM antara tahun 2004 hingga 2007. Sebagai contoh, pencapaian bagi negeri Pahang telah meningkat daripada 84.12 peratus pada tahun 2004 kepada 94.27 peratus pada tahun 2007; negeri Sarawak

meningkat daripada 87.96 peratus pada tahun 2004 kepada 93.32 peratus pada tahun 2007; negeri Sabah meningkat daripada 89.19 peratus pada tahun 2004 kepada 94.47 peratus pada tahun 2007; dan negeri Kelantan telah meningkat daripada 90.20 peratus pada tahun 2004 kepada 93.15 peratus pada tahun 2007.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) dan diperkukuhkan dengan Pelan Tindakan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTPTV), KPM telah merancang dan melaksanakan program pendidikan bagi memastikan murid mempunyai laluan kerjaya yang jelas terutama bagi murid berprestasi rendah dengan menyalurkan mereka kepada pendidikan vokasional dan latihan. Kemahiran yang ditetapkan meliputi program untuk murid berprestasi tinggi, sederhana dan rendah, iaitu;

i. Aliran Teknikal

Fokus kepada murid yang cemerlang akademik di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR), didedahkan dengan ilmu pengetahuan teknikal bertujuan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan akhirnya dapat memenuhi keperluan guna tenaga negara pada peringkat profesional.

ii. Aliran Vokasional

Fokus kepada murid yang sederhana pencapaian akademik di peringkat PMR, didedahkan dengan teori dan kemahiran vokasional. Majoriti murid akan melanjutkan pelajaran di politeknik bagi memenuhi keperluan guna tenaga negara pada peringkat separuh profesional.

iii. Aliran Kemahiran

Fokus kepada murid yang lemah pencapaian akademiknya dan yang tidak berminat dalam bidang akademik. Murid ini diberikan latihan kemahiran bagi memenuhi keperluan guna tenaga negara sebagai pekerja mahir.

SOALAN NO. (47)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG
(BUKIT BENDERA)**

TARIKH : 7 MEI 2008 (RABU)

SOALAN :

Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG (BUKIT BENDERA) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan hala tuju dan jangka masa pelaksanaan pilihanraya Kerajaan Tempatan bagi membuka sebuah babak baru dalam demokrasi di Malaysia.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan pilihanraya Kerajaan Tempatan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mei 2008

NO. SOALAN : 48

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

TARIKH : 7 MEI 2008

SOALAN : 48

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah kesan penternakan babi terhadap alam sekitar, terutamanya dalam konteks pencemaran sungai dan udara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Penternakan babi membawa kesan ke atas alam sekitar terutama pencemaran air dan sungai serta pencemaran bau.

Pelepasan kumbahan yang tidak diolah atau separa diolah ke dalam alurair akan menyebabkan sungai tercemar dan bau busuk yang berpunca dari pengumpulan najis babi di dalam kandang dan kolam takungan kumbahan.

Penubuhan ladang ternakan babi adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan dikawal selia oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Dalam hubungan ini, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar sedia membantu dalam penilaian kesesuaian tapak ladang dan kaedah pengolahan kumbahan ternakan babi supaya tidak mendatangkan masalah pencemaran alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

DARIPADA : TUAN DR. DZULKEFLY BIN AHMAD.
(KUALA SELANGOR)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 07.05.2008

Tuan Dr. Dzulkefly Bin Ahmad (Kuala Selangor) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang dijalankan bagi mengawal inflasi dan kesan serta impak kenaikan harga barang dengan kenaikan harga mentah dunia dan kelembapan ekonomi global akibat dari kisis kewangan di Amerika Syarikat.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar mengenai persepsi orang awam bahawa kadar inflasi rasmi tidak mencerminkan keadaan sebenar berikutan kenaikan harga barangan, khususnya barang makanan. Ini adalah kerana pengguna lazimnya menyamakan peratus kenaikan harga barangan dengan kadar inflasi. Contohnya, pengguna berpandangan jika harga

susu tepung bayi naik sebanyak 10%, kadar inflasi juga sepatutnya naik sebanyak 10%. Ini tidak begitu tepat kerana Indeks Harga Pengguna (IHP) yang digunakan untuk mengukur kadar inflasi bagi sesuatu bakul barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak purata pembelian oleh sekumpulan penduduk pada sesuatu tempoh masa, dan bukannya perubahan paras harga sesuatu barangan. Berdasarkan pengiraan tersebut, kadar inflasi bagi tahun 2006 adalah sebanyak 3.6%, tahun 2007 sebanyak 2% dan suku pertama tahun 2008 sebanyak 2.6%. Sementara itu, ramalan inflasi oleh Bank Negara Malaysia adalah sebanyak 2.5%-3% pada tahun 2008.

2. Kenaikan harga barangan, terutama bahan makanan adalah fenomena global. Kerajaan amat prihatin terhadap beban yang ditanggung oleh rakyat, khususnya golongan yang berpendapatan rendah. Oleh itu, untuk menangani isu kenaikan harga, satu Jawatankuasa Kabinet Mengenai Langkah-Langkah Membendung Inflasi yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah bermesyuarat setiap minggu bagi membincangkan pelbagai cadangan untuk mengurangkan beban golongan rakyat berpendapatan rendah.

3. Antara langkah yang telah dilaksanakan untuk membantu mengawal inflasi dan mengurangkan beban rakyat termasuk seperti berikut:

- i. Mengekalkan harga runcit diesel, petrol dan LPG, walaupun harga minyak mentah telah melonjak tinggi (melebihi USD120 setong pada bulan April 2008). Ini bererti Kerajaan terpaksa menanggung jumlah perbelanjaan subsidi sebanyak RM18.31 bilion pada tahun 2008.
- ii. Menyeragamkan harga LPG di Sabah dan Sarawak sebanyak 183 sen/kg kepada harga di Semenanjung Malaysia sebanyak 175 sen/kg berkuat kuasa 17 April 2008;
- iii. Memantau dan meningkatkan penguatkuasaan ke atas harga barangan supaya para peniaga tidak sewenang-wenang menaikkan harga;
- iv. Mengawal harga beberapa barangan keperluan asas seperti beras, minyak masak, gula, tepung gandum, roti dan yang lain;
- v. Memastikan bekalan barangan keperluan asas, terutamanya barang makanan adalah mencukupi. Bagi tujuan ini, salah satu langkah yang akan

dilaksanakan ialah menyediakan satu dana berjumlah RM4 bilion untuk menambah pengeluaran makanan di samping memastikan kestabilan harga barang makanan;

- vi. Meningkatkan kadar bantuan warga emas dan elaun bulanan pekerja orang kurang upaya daripada RM200 sebulan kepada RM300 sebulan berkuat kuasa 1 Januari 2008;
- vii. Meningkatkan program pendidikan pengguna supaya berbelanja dengan hemat;
- viii. Membenarkan kenaikan kadar tol untuk lebuh raya tertentu sahaja dan memberi subsidi kepada operator tol tertentu untuk mengekalkan kadar tol;
- ix. Menyediakan Skim Dana Jaminan Pinjaman Perumahan sebanyak RM50 juta untuk membantu golongan berpendapatan rendah yang tidak mempunyai pendapatan tetap untuk mendapatkan pinjaman perumahan; dan
- x. Memansuhkan yuran sekolah dan memperluaskan skim pinjaman buku kepada semua pelajar;

Tuan Yang di-Pertua,

4. Antara langkah untuk mengurangi beban golongan berpendapatan rendah yang sedang dikaji termasuk penstrukturan semula subsidi barangan petroleum supaya subsidi benar-benar memanfaatkan golongan yang disasarkan di samping mengurangkan ketirisan dan penyelewengan, dan pemansuhan kawalan import dan harga ke atas barangan tertentu supaya menambahkan bekalan di samping mewujudkan harga yang lebih kompetitif.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. MOHAMED HAYATI BIN OTHMAN

TARIKH : 7 MEI 2008

SOALAN:

Y.B. Dr. Mohamed Hayati bin Othman [Pendang] minta PERDANA MENTERI menyatakan program yang telah dan akan dilaksanakan di dalam NCER yang melibatkan petani secara langsung dalam usaha menambah pendapatan mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) telah dilancarkan pada 30 dan 31 Julai 2007 lalu dan dalam membangunkan NCER ini, satu Pelan Induk pembangunan bagi NCER juga telah disediakan sebagai panduan untuk memacu pembangunan di kawasan berkenaan. Dalam hal ini, Pelan Induk NCER telah mengenal pasti lima sektor utama untuk dimajukan sebagai pemangkin kepada pembangunan NCER iaitu pertanian, pendidikan, infrastruktur, pembuatan, dan pelancongan.

Dalam sektor pertanian, beberapa program dan projek bagi menambah pendapatan para petani atau penternak, sama ada secara langsung atau tidak langsung, telahpun bermula dan dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Antaranya adalah:

- i. menaik taraf jalan-jalan ladang MADA;
- ii. perladangan secara komersil ladang jagung manis di Bukit Tangga, Kedah; dan
- iii. penternakan lembu fidlot di Pendang dan Kubang Pasu di Kedah serta di Chuping, Perlis.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada projek-projek yang telah bermula ini, terdapat juga beberapa projek pertanian yang akan dimulakan dalam tempoh terdekat yang melibatkan dan memberi faedah kepada para petani di NCER. Di antaranya ialah:

- i. penternakan lembu fidlot di Tobiar, di Kedah;
- ii. penanaman Sorghum (makanan untuk ternakan) di Kubang Pasu, Kedah; dan
- iii. Meratakan kawasan padi yang bermasalah di Kubang Pasu, Kota Setar dan Kangar; dan
- iv. penanaman padi secara komersil di Kerian, Perak.

No: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran]

TARIKH : 7 Mei 2008 (Rabu)

SOALAN : 51

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah pertimbangan Kerajaan Persekutuan di atas permohonan Kerajaan Negeri untuk menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa kedua di Sabah.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian tidak pernah menerima sebarang cadangan untuk membina Lapangan Terbang Antarabangsa Kedua di Sabah. Kementerian juga tidak bercadang untuk membina Lapangan Terbang Antarabangsa kedua di Sabah memandangkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sedang di naik taraf.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN AZAN BIN ISMAIL

TARIKH : 7 MEI 2008

SOALAN :

Minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah pengeluaran sijil halal telah dikeluarkan setakat ini serta berapakah kos yang dikenakan untuk tujuan tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 30 Mac 2008, sebanyak 3,161 sijil halal telah dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Jumlah tersebut tidak termasuk sijil-sijil halal yang telah dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

Kadar yuran pensijilan halal yang dikenakan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kategori produk, premis makanan dan rumah sembelih.

Bagi kategori produk terdapat 3 jenis industri, iaitu industri kecil, industri kecil dan sederhana, dan industri multinasional.

Untuk industri kecil, iaitu industri yang mempunyai jualan tahunan kurang dari RM 500,000 dan bilangan pekerja kurang daripada 50 orang, kadar yuran yang dikenakan ialah sebanyak RM 100 setahun.

Untuk Industri kecil dan sederhana, iaitu industri yang nilai jualan tahunannya berjumlah RM 500,000 hingga RM 25 juta, dan bilangan pekerjanya antara 50 hingga 150 orang, kadar yuran yang dikenakan ialah RM 400.00 setahun.

Untuk industri multinasional, iaitu industri yang mempunyai rangkaian kilang di luar negara dengan nilai jualan tahunan melebihi RM 25 juta, dan bilangan pekerja melebihi 150 orang, kadar yuran yang dikenakan ialah RM 700.00 setahun.

Bagi premis makanan pula, terdapat 2 kategori premis iaitu restoran dan hotel. Bagi restoran, kadar yuran yang dikenakan ialah RM 100.00 setahun bagi setiap *outlet*. Bagi hotel, kadar yuran yang dikenakan ialah RM 100.00 bagi setiap dapur di hotel.

Bagi rumah sembelih, terdapat 3 kategori rumah sembelih iaitu yang bersaiz kecil, sederhana dan besar.

Bagi rumah sembelih bersaiz kecil, iaitu yang mempunyai bilangan ayam atau itik yang tidak melebihi 2,000 ekor, bilangan kambing atau sejenis dengannya yang tidak melebihi 500 ekor, bilangan lembu atau

kerbau yang tidak melebihi 50 ekor, kadar yuran yang dikenakan ialah RM 100.00 setahun.

Bagi rumah sembelih bersaiz sederhana, iaitu yang mempunyai bilangan ayam atau itik di antara 2,000 hingga 3,000 ekor, bilangan kambing atau sejenis dengannya di antara 500 hingga 700 ekor, bilangan lembu atau kerbau di antara 50 hingga 100 ekor, kadar yuran yang dikenakan ialah RM 400.00 setahun.

Bagi rumah sembelih bersaiz besar, iaitu yang mempunyai bilangan ayam atau itik yang melebihi 3,000 ekor, bilangan kambing atau sejenis dengannya yang melebihi 700 ekor, bilangan lembu atau kerbau yang melebihi 100 ekor, kadar yuran yang dikenakan ialah RM 700.00 setahun.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI DR. FONG CHAN ONN
[ALOR GAJAH]
TARIKH : 7 MEI 2008
SOALAN :**

Dato' Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah masih ramai masyarakat yang meminta bantuan kewangan daripada orang ramai untuk mendapatkan rawatan memandangkan Kerajaan telah menubuhkan Tabung Bantuan Kesihatan bagi tujuan tersebut. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menggalakkan lebih ramai orang untuk memohon bantuan daripada tabung ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Tabung Bantuan Perubatan (TBP) telah ditubuhkan pada tahun 2005 bertujuan untuk membiayai sebahagian atau sepenuhnya kos rawatan perubatan, alatan perubatan, alatan rehabilitasi dan ubat-ubatan yang tidak dapat disediakan di hospital Kerajaan bagi pesakit yang tidak berkemampuan. Sehingga Mac 2008, Kementerian

Kesihatan telah membelanjakan sejumlah RM 38.6 juta dari TBP bagi membiayai 3,003 orang pesakit yang tidak berkemampuan.

Walaupun TBP telah ditubuhkan, namun masih terdapat lagi masyarakat yang memohon bantuan kewangan daripada orang ramai kerana beberapa sebab tertentu. Pihak Kementerian juga telah menghubungi pemohon yang memohon bantuan kewangan berkenaan dan mendapati pesakit-pesakit ini sebenarnya sedia maklum akan kemudahan TBP tetapi mereka masih memerlukan bantuan kewangan untuk perkara-perkara yang tidak diliputi oleh TBP seperti perbelanjaan sara hidup keluarga semasa mereka dirawat, tambang pengangkutan ke hospital dan keperluan-keperluan sara diri yang lain. Terdapat juga kes di mana pesakit di Institut Jantung Negara (IJN) yang telah menerima bantuan subsidi bagi pesakit tidak mampu di IJN yang juga ditanggung oleh Kementerian ini, masih memerlukan bantuan kerana sebab-sebab di atas. Selain itu juga, Kementerian mendapati permohonan yang dilakukan tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan seperti rawatan dibuat di hospital swasta sedangkan rawatan tersebut boleh didapati di hospital Kerajaan.

Dalam mempromosikan kemudahan TBP, pihak Kementerian telah mengedarkan *pamphlet* di semua hospital Kerajaan dalam empat bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Inggeris, Mandarin dan Tamil. Di samping itu juga, borang permohonan TBP juga boleh didapati di Unit Kerja Sosial Perubatan di setiap hospital Kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, Unit Kerja Sosial Perubatan merupakan penyelarasan

bagi setiap permohonan TBP di peringkat hospital bagi memastikan segala dokumen yang diperlukan adalah lengkap sebelum sesuatu permohonan TBP itu dikemukakan ke Kementerian. Seterusnya, Kementerian akan memproses permohonan TBP ini dalam tempoh 14 hari bagi 80 peratus permohonan TBP yang telah mempunyai *precedent case*. Selain itu juga, Kementerian ini telah mengadakan beberapa siri ceramah dengan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) serta anggota perubatan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan TBP. Kementerian ini dari semasa ke semasa sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memastikan maklumat mengenai Tabung ini diketahui oleh semua lapisan masyarakat yang memerlukan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
(SHAH ALAM)
TARIKH : 7.5.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD (SHAH ALAM) minta Menteri Pelajaran menyatakan tindakan yang telah diambil terhadap aduan-aduan ibu bapa mengenai sistem pelajaran yang terlalu berorientasikan peperiksaan, budaya tuisyen dan penggunaan buku rujukan yang terlalu banyak yang mereka anggap mengganggu pertumbuhan minda dan psikologi pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sejajar dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berhasrat untuk memperkenalkan sistem pentaksiran yang lebih bersifat holistik iaitu Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK). Sistem ini diyakini berupaya meningkatkan kualiti murid dari segi binaupaya insan (*human capacity building*) dalam era globalisasi dan juga melahirkan modal insan yang seimbang. Di bawah konsep SPPK tumpuan bukan hanya diberikan kepada kognitif tetapi juga kekuatan dalaman yang boleh memastikan kebolehdidikan (*educability*), kebolelatihan (*trainability*), kebolehkerjaan (*employability*) dan kebolehpasaran (*marketability*). Sistem pentaksiran holistik ini juga memberi tumpuan kepada pemupukan nilai-nilai yang menyeluruh (*all-rounded values*) seperti nilai-nilai kreatif, inovatif, kritis, berdisiplin dan berakhlak mulia di kalangan murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPPK yang dicadangkan ini akan mengurangkan peperiksaan secara berpusat sebaliknya memperkukuhkan pentaksiran berasaskan sekolah. Dalam sistem pentaksiran baru ini, aktiviti jasmani dan kokurikulum akan ditaksir secara sistematik untuk memberi nilai tambah tentang nilai-nilai semangat berpasukan, bekerjasama dan kepimpinan. Ujian Psikometrik juga dicadangkan dijalankan di pelbagai peringkat termasuk prasekolah bagi tujuan mendapat maklumat tentang kesediaan, bakat, minat dan kecenderungan, sahsiah dan personaliti, perubahan tingkahlaku dan juga kebolehan am murid. Ujian prarintis sedang dijalankan di sekolah-sekolah pada masa ini. Manakala projek rintis Ujian Psikometrik akan dilaksanakan pada bulan Jun 2008 dan akan dijalankan sepenuhnya pada tahun 2010. Dengan wujudnya ujian Psikometrik ini diharapkan budaya tuisyen akan berkurangan di kalangan murid. Walau bagaimanapun, peperiksaan berpusat tetap akan dikekalkan, tetapi nisbah pemberatan antara peperiksaan dengan kerja kursus akan dikurangkan mengikut jenis peperiksaan.

Berhubung dengan kelas tuisyen, KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia Bil. 1 Tahun 2006: *Garis Panduan Kelulusan Melakukan Pekerjaan Luar Sebagai Guru Tuisyen atau Tenaga Pengajar Sambilan*, iaitu susulan kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia Bil. 1 Tahun 1999: *Penglibatan Pegawai dan Kakitangan Di Bawah Kementerian Pendidikan Dalam Pekerjaan Luar*.

Kedua-dua surat pekeliling ini dikeluarkan dengan tujuan untuk memberi garis panduan yang terperinci mengenai pengendalian dan syarat-syarat khusus melakukan pekerjaan luar sebagai guru tuisyen atau tenaga pengajar sambilan di kalangan anggota KPM. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini telah diedarkan ke semua Jabatan Pelajaran Negeri untuk dimaklumkan kepada Pengetua dan Guru Besar supaya memaklumkan kandungan surat pekeliling ini kepada guru-guru mereka.

NO SOALAN: 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENJA]

TARIKH : 7 MEI 2008

SOALAN:

Tuan Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai status sebenar Pulau Pisang di bahagian selatan Semenanjung, benarkah pulau itu diselenggarakan oleh Singapura dan jika benar, sejak bila dan adakah Kerajaan akan mengkaji balik status Singapura di pulau itu supaya tidak menimbulkan apa-apa masalah di masa akan datang seperti terjadi di Pulau Batu Puteh.

**JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang DiPertua,

Pulau Pisang merupakan sebuah pulau milik Malaysia di Selat Melaka yang terletak di bawah pentadbiran Pejabat Tanah Pontian, Johor. Saiz pulau ini adalah 1,375 km persegi (380 ekar) dan terletak 7.5 batu nautika dari Pontian Johor. Kerajaan Johor menerusi Pejabat Tanah Pontian mempunyai bidangkuasa ke atas Pulau Pisang berdasarkan peruntukan Seksyen 15 Kanun Tanah Negara 1965.

Berdasarkan *Indenture* yang ditandatangani oleh Sultan Ibrahim dan Gabenor *Sir Swettenham* pada 6 Oktober 1990, rumah api dan kawasan rumah api seluas 2 ekar dan 2 rod di Pulau Pisang diserahkan selama-lamanya kepada Ratu Inggeris atau waris-warisnya. Rumah api tersebut kini dikawalselia oleh *Marine Port Authority (MPA)*, Singapura.

Walau bagaimanapun, Sultan Johor atau warisnya berhak mengambil tanah tersebut sekiranya MPA menggunakan tanah berkenaan untuk tujuan lain. Kerajaan Malaysia juga telah mengenakan peraturan-peraturan dan syarat-syarat kemasukan bagi petugas rumah api MPA tersebut. Dengan demikian, tidak timbul persoalan mengenai tuntutan Singapura ke atas Pulau Pisang seperti Pulau Batu Puteh.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. (56)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DR. MICHEAL JEYAKUMAR DEVARAJ
(SUNGAI SIPUT)**

TARIKH : 7 MEI 2008 (RABU)

SOALAN :

Y.B. DR. MICHEAL JEYAKUMAR DEVARAJ (SUNGAI SIPUT) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk melaksanakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan kerana ini merupakan initiative yang paling berkesan untuk mengawal rasuah dan pembaziran wang rakyat

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan pilihanraya Kerajaan Tempatan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mei 2008

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)
TARIKH : 07 MEI 2008

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah sebab penggunaan dakwat dibatalkan pada saat akhir sebelum pengundian Pilihan Raya Umum 2008 lalu, kos pembelian dan kerugian yang ditanggung SPR dan mengapakah berlaku kertas-kertas undi pos tidak dikembalikan atau hilang sebelum jam 5.00 petang pada hari pengundian dan apakah kawasan pilihan raya yang terlibat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan utama SPR hendak melaksanakan penggunaan dakwat kekal adalah untuk mempertingkatkan

lagi ketelusan di dalam Pilihan Raya Umum Ke-12. Ini kerana terdapat dakwaan-dakwaan daripada pihak-pihak tertentu yang mengatakan bahawa ada pengundi-pengundi yang akan cuba mengundi lebih dari sekali. Justeru itu, dengan penggunaan dakwat kekal ia dapat mengelakkan mana-mana pihak untuk mengundi lebih daripada sekali. Oleh yang demikian, persiapan awal yang sewajarnya untuk melaksanakan cadangan penggunaan dakwat kekal telah dibuat oleh SPR.

Namun begitu SPR telah menerima laporan daripada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang mengesahkan bahawa wujudnya pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab telah memperolehi bekalan dakwat kekal daripada negara jiran. Mereka telah merancang mengeksploitasikan penggunaan dakwat kekal dengan cara memujuk pemilih-pemilih terutamanya dari masyarakat luar bandar dan pedalaman supaya terlebih dahulu mencalit dakwat kekal di atas kuku masing-masing sebelum hari mengundi dengan mengatakan bahawa hanya mereka yang sudah dicalit dengan dakwat kekal sahaja yang dibenarkan mengundi pada hari mengundi. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab ini boleh menyebabkan timbulnya ketegangan di saluran-saluran mengundi kerana petugas-petugas pilihan raya sudah

tentu tidak akan mengeluarkan kertas undi kepada mereka yang telah dicalitkan dakwat kekal di atas kuku masing-masing, sedangkan pada hakikatnya mereka belum lagi mengundi.

Selain daripada itu ejen-ejen mengundi juga sudah tentu akan mambantah mereka yang sudah dicalit dakwat kekal di atas jari kuku masing-masing daripada cubaan mengundi kali kedua. Apa yang berlaku ialah mereka telah diperdayakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Jika ketegangan di antara pengundi dan ejen-ejen mengundi berlaku di saluran mengundi di seluruh negara, pihak polis sudah memaklumkan kepada SPR bahawa mereka tidak mampu untuk mengawal ketegangan yang mungkin berlaku sehingga boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam serta huru-hara pada hari mengundi. Justeru itu, pihak polis telah menasihatkan SPR supaya menarik balik cadangan penggunaan dakwat kekal ini dan SPR akur dengan cadangan tersebut.

Di samping itu Ahli Yang Berhormat sekalian perlu maklum bahawa dari segi undang-undang, SPR perlu menarik balik cadangan penggunaan dakwat kekal ini disebabkan peruntukan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan telah menjamin hak seseorang pemilih berdaftar untuk

mengundi. Ini bermakna hak ini tidak boleh dinafikan kecuali jika pemilih berdaftar itu hilang kelayakan untuk mengundi di bawah undang-undang. Hak ini merupakan hak asasi seseorang pemilih berdaftar. Undang-undang yang memperuntukkan selainnya adalah *ultra vires* Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan. Ini juga bermakna bahawa seseorang yang kukunya kelihatan telah dicalit dengan dakwat kekal atau seseorang yang enggan kukunya dicalit dengan dakwat kekal tidak boleh dinafikan haknya untuk mendapatkan kertas undi.

Perkara-perkara yang disebutkan tadi telah menjadi bahan perbincangan di dalam mesyuarat Jemaah Menteri yang diadakan pada 13 Februari 2008 (Hari Pembubaran). Jemaah Menteri telah menolak cadangan SPR untuk memperundangkan cadangan penggunaan dakwat kekal di atas jari kuku pengundi di dalam Pilihan Raya Umum Ke-12. Oleh itu amat sukar untuk SPR melaksanakan cadangannya dan dengan itu SPR bersetuju menarik balik cadangan penggunaan dakwat kekal dalam Pilihan Raya Umum Ke-12.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR tidak pernah menolak cadangan asalnya untuk memperkenalkan kaedah penggunaan dakwat

kekal dan masih bersetuju untuk melaksanakan kaedah tersebut. Kaedah itu boleh dilaksanakan jika masalah undang-undang dan keselamatan yang dinyatakan di atas itu dapat diatasi. SPR akan meminta pihak-pihak yang berwajib untuk mengkaji undang-undang dan menyediakan peruntukan yang sesuai bagi membolehkan kaedah ini dilaksanakan tanpa menjejaskan hak asasi seorang pengundi seperti mana yang dikehendaki oleh Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sejumlah RM2.98 juta telah dibelanjakan untuk membeli dakwat kekal bagi kegunaan Pilihan Raya Umum Ke-12.

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung dengan soalan mengenai kertas undi pos yang tidak dikembalikan selepas jam 5.00 petang, perkara tersebut adalah di luar kawalan SPR. Pengundi yang layak mengundi secara pos dan memperolehi kertas undi pos tersebut adalah bertanggungjawab untuk mengembalikannya kepada Pegawai Pengurus melalui kaedah yang telah ditetapkan seperti memasukkan ke dalam beg berkunci atau menghantarnya melalui pos supaya ianya sampai ke pejabat Pegawai Pengurus sebelum jam 5.00 petang. Mana-mana kertas undi pos yang diterima lewat daripada jam 5.00 petang, kertas undi pos tersebut tidak

akan dikira dan ianya dianggap sebagai kertas undi pos yang tidak dikembalikan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen yang banyak terlibat dengan undi pos adalah P.52 Bagan Baru, Pulau Pinang; P.74 Lumut, Perak; P.98 Gombak, Selangor; P.118 Setiawangsa, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; P.132 Telok Kemang, Negeri Sembilan; P.136 Tangga Batu, Melaka dan P.173 Putatan, Sabah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
(TUMPAT)

TARIKH : 7 Mei 2008

SOALAN :

Y.B. Dato' Kamarudin Bin Jaffar (Tumpat) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah PETRONAS akan membuka pangkalan khidmat (*supply base*) di Tumpat memandangkan operasi minyak dan gas yang meningkat di lautan sebelah Pantai Timur.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini PETRONAS tidak mempunyai perancangan untuk membina pangkalan khidmat (dengan izin *supply base*) di Tumpat memandangkan operasi minyak dan gas di kawasan Pantai Timur Semenanjung boleh menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pengkalan Bekalan Kemaman.

SOALAN NO. (59)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN TAN AH ENG
(GELANG PATAH)**

TARIKH : 7 MEI 2008 (RABU)

SOALAN :

Y.B. PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan cara-cara Pelantikan Pegawai Kerajaan Tempatan, memandangkan sikap kerja mengganggu imej PBT.

JAWAPAN :-

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah di bawah bidang kuasa PBT masing-masing seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 16, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Bagi jawatan Datuk Bandar/Yang Dipertua dan Setiausaha, ianya adalah dilantik oleh Kerajaan Negeri masing-masing. Datuk Bandar/Yang Dipertua dan Setiausaha lazimnya dilantik di kalangan pegawai kanan Kerajaan yang mempunyai pengetahuan luas dalam hal-ehwal Kerajaan Tempatan.

Bagi tujuan memastikan pegawai PBT dapat melaksanakan tugas dengan berkesan dan menjaga imej PBT, mereka juga tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

1. Arahan, perintah, peraturan, pekeliling dan garis panduan yang berkaitan dengan penjawat awam khususnya dari segi prosedur kerja dan tatalaku. Ini bagi memastikan imej dan akauntabiliti penjawat awam sentiasa dipelihara.

2. Di bawah seksyen 17, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), PBT dengan kelulusan Kerajaan Negeri boleh mengadakan kaedah-kaedah bagi mengekalkan kelakuan baik dan tatatertib pegawai dan kakitangannya dan boleh mengenakan apa-apa hukuman kerana salah laku atau melanggar kewajipan dalam menjalankan tugas rasminya.

3. Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam yang turut melibatkan kakitangan PBT telah menetapkan objektif bahawa setiap anggota perkhidmatan perlu melengkapkan diri dengan sikap, kemahiran dan

pengetahuan yang bersesuaian melalui program pembangunan sumber manusia yang terancang yang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan. Antara strategi utama yang telah digariskan dalam dasar tersebut adalah setiap agensi hendaklah menyediakan peruntukan tahunan sekurang-kurangnya 1% daripada peruntukan emolumen untuk tujuan latihan dan setiap ketua jabatan hendaklah memastikan anggota masing-masing mengikuti kursus sekurang-kurangnya 7 hari setahun.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mei 2008

SOALAN NO: ~~67~~ (60)

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN JAWAB LISAN

TARIKH: 07.05.2008

SOALAN : DATO' LILAH BIN YASIN (Jempol) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar berkaitan pembangunan pekan-pekan kecil di Rancangan Tanah FELDA.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rancangan FELDA adalah tertakluk dan diwartakan di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) atau *Land Act (Group Settlement Area)* 1960. Di bawah peruntukan akta ini, rancangan terbahagi kepada

dua (2) bahagian utama iaitu kawasan bandar (*urban area*) dan kawasan luar bandar (*rural area*). Kawasan bandar mengandungi kawasan penempatan, perniagaan dan perusahaan di mana terdapatnya rumah kediaman peneroka, bangunan awam, kedai, gerai, institusi awam, prasarana, sekolah, klinik, balai raya, masjid dan sebagainya. Istilah kawasan luar bandar pula adalah merujuk kawasan pertanian yang diuntukkan kepada peneroka.

Semasa rancangan dibuka pada tahun 60-an, 70-an dan 80-an dahulu, FELDA menyediakan pelan tataatur yang menunjukkan susun atur pembangunan kawasan bandar atau pekan FELDA. Pelan tataatur ini dikemukakan kepada beberapa jabatan seperti Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perparitan, Jabatan Pertanian, Pejabat Tanah, Majlis Daerah dan sebagainya. Di peringkat awal pembangunan ini, perancangan dan pelaksanaan bandar FELDA dikendalikan bersama dengan agensi Kerajaan yang berkaitan khususnya Jabatan Kerja Raya (JKR). Semua peruntukan menyediakan kemudahan dan prasarana ini dibiayai sepenuhnya melalui peruntukan Kerajaan.

Bagaimanapun mulai tahun 1996, pihak Kerajaan tidak lagi menyalurkan peruntukan kepada FELDA bagi membangunkan bandar dan mengadakan projek infrastruktur kecuali sedikit peruntukan melalui RMK7 hingga RMK9. Projek kemudahan asas yang utama di bandar FELDA seperti sekolah, klinik, jalan raya dan prasarana lain masih lagi dibiayai melalui peruntukan Kerajaan yang lazimnya diuruskan oleh JKR. Justeru itu, bagi melengkapkan pembangunan bandar atau pekan kecil, FELDA menyediakan peruntukan dalaman untuk membiayai beberapa projek yang difikirkan sesuai. Projek yang dijalankan ini termasuklah menambahbaik sistem perparitan, penjagaan jalan kampung, pembinaan dewan dan kompleks sukan, penyediaan ruang perniagaan dan kemudahan yang diperlukan oleh masyarakat rancangan.

Tumpuan juga diberikan untuk memoden dan mewujudkan pembangunan yang teratur di rancangan berbentuk gugusan atau perkampungan berskala besar. Pada masa ini, terdapat 54 rancangan berbentuk gugusan yang mana saiz dan struktur pekannya adalah lebih besar berbanding rancangan yang

mempunyai *single township*. Tumpuan diberikan dalam membangunkan rancangan berbentuk gugusan secara berperingkat dengan pembinaan dewan, kompleks sukan, penyediaan ruang perniagaan, lampu jalan, tandas awam, papan tanda dan sebagainya. Adalah diharap penyediaan penambahan kemudahan awam akan memodenkan pekan kecil FELDA, di samping meningkatkan taraf hidup masyarakat peneroka.

-----XXX-----

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
(KUBANG KERIAN)
TARIKH : 7.5.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB (KUBANG KERIAN) minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah halangan untuk memberikan pendidikan percuma kepada rakyat sekurang-kurangnya sehingga ke peringkat ijazah pertama.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan Malaysia memang telah menyediakan pendidikan percuma kepada murid sekolah rendah hinggalah kepada murid Tingkatan Enam. Pendidikan percuma ini dinikmati dalam bentuk penyediaan premis khususnya bangunan sekolah dan kemudahan infrastruktur seperti bekalan air bersih dan elektrik. Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk menyediakan atau membiayai sepenuhnya kedua-dua keperluan asas ini kepada semua sekolah Kerajaan dan sekolah bantuan Kerajaan. Di samping itu juga, kos membiayai kerja-kerja baikpulih, naiktaraf dan ubahsuai bangunan sekolah adalah ditanggung sepenuhnya oleh KPM.

Seterusnya tanggungjawab membiayai keperluan pendidikan kepada pelajar telah diperluaskan lagi dalam bentuk pemberian Geran Per Kapita dan program-program bantuan pendidikan seperti Skim Pemberian Buku Teks (SPBT), Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Projek Susu Sekolah (PSS), pemberian

biasiswa, Skim Baucer Tuisyen dan sebagainya. Yuran Peperiksaan pula telah dihapuskan mulai 2007, manakala mulai tahun ini, Yuran Khas Sekolah juga telah dihapuskan.

Setiap tahun Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang besar kepada sektor pendidikan untuk memenuhi keperluan-keperluan di atas. Ia bagi memastikan murid akses kepada pendidikan dan dapat menikmati pendidikan yang berkualiti. Sebagai contoh, dalam bajet 2008 sebanyak RM30 bilion telah disediakan untuk pendidikan dan tahun 2007 pula RM33.4 bilion.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA TING
(KULAI)**

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 7.5.2008

Dato' Seri Ong Ka Ting (Kulai) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan mengapa projek-projek yang dilaksanakan di Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya, kerja-kerja Mekanikal dan Elektrikal (M&E) hanya dipelawa di kalangan kontraktor Bumiputera sahaja dan sedarkah Kementerian bahawa keputusan ini telah menyebabkan ketidakpuasan kontraktor bukan bumiputera yang selama ini telah menjalankan perniagaan secara bertanggungjawab serta memberi banyak peluang pekerjaan kepada semua kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan telah mengkaji semula arahan yang berkuat kuasa mulai Ogos 2007 di mana Kerja Mekanikal dan Elektrikal (M&E) bagi projek kerja yang dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya diberi kepada kontraktor M&E Bumiputera secara perintis. Sehubungan itu, Kerajaan pada 23 April 2008 telah menarik balik arahan tersebut. Oleh itu, kerja-kerja M&E akan dipelawa mengikut peraturan yang sedia ada iaitu secara tender terbuka yang mana kontraktor kerja M&E Bumiputera

akan bersaing dengan lain-lain kontraktor dan hanya diberi keutamaan harga sahaja.

2. Ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (BCIC) yang tulen dan berdaya maju. Sehubungan itu, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Kulai tidak lagi berbangkit.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. LO'LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI
[TITIWANGSA]

TARIKH : 7 MEI 2008

SOALAN :

Minta Perdana Menteri menyatakan senarai peruntukan kepada Ahli Parlimen Titiwangsa pada tempoh Parlimen Kesebelas yang lalu.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua, bilangan dan nilai projek yang dilaksanakan di bawah peruntukan Ahli Parlimen Titiwangsa untuk tempoh Parlimen ke-11 iaitu bagi tahun 2004 hingga 2007 adalah seperti berikut;

Tahun	Bil. Projek	Peruntukan (RM)
2004	28 ^a	598,124.00
2005	28	549,999.20
2006	94	1,999,619.00
2007	47	995,150.00
Jumlah	197	4,142,892.20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE
(TENGGARA)**

TARIKH : 7 MEI 2008 (RABU)

SOALAN

Y.B. Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa Kualiti Alam Sdn. Bhd. menguruskan secara eksklusif semua sisa terjadual di Semenanjung Malaysia dan wujudnya Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di selatan Semenanjung, bolehkah sebuah lagi syarikat konsesi berkaitan dibenarkan beroperasi di kawasan tersebut bagi menawarkan kos lebih kompetitif.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan sememangnya sedar bahawa Kualiti Alam Sdn. Bhd. telah diberi hak eksklusif bagi rawatan dan pelupusan sisa terjadual di Semenanjung Malaysia bagi tempoh konsesi selama 15 tahun di mana ia akan tamat pada tahun 2013. Sehubungan dengan itu, adalah tidak wajar bagi Kerajaan untuk memberi konsesi rawatan dan pelupusan sisa

terjadual kepada syarikat lain kerana hanya tidak selaras dengan syarat perjanjian konsesi tersebut. Namun demikian, pihak syarikat lain dibenar untuk membangunkan kemudahan rawatan dan pelupusan sisa terjadual di dalam kawasan masing-masing bagi memproses bahan buangan sendiri sahaja. Di samping itu juga, pihak syarikat lain juga boleh membangunkan kemudahan bagi pra-rawatan (*pre-treatment*), *recovery* atau *recycling* sisa terjadual yang mematuhi standard yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar dan peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Berhubung kawasan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI), Kerajaan berpendapat tiada keperluan bagi pembangunan sebuah pusat rawatan dan pelupusan sisa terjadual di kawasan tersebut memandangkan Pusat Kemudahan Rawatan Bersepadu yang dikendalikan oleh Kualiti Alam Sdn. Bhd. pada masa ini dijangka dapat menampung pertambahan sisa terjadual oleh industri dalam pembangunan WPI.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

TARIKH : 7 MEI 2008

RUJUKAN : 958

Soalan :

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan sekarang akan menubuhkan IPCMC untuk mengadakan satu perkhidmatan polis bertaraf dunia yang cekap, beramanah dan profesional demi mengurangkan jenayah, menghapuskan rasuah dan menghormati hak asasi manusia-mesej jelas 'tsunami politik' 8 Mac 2008.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah memutuskan untuk menarik semula Rang Undang-Undang Suruhanjaya Aduan Khas 2007 (*Special Complaint Commission*) yang telah dibaca untuk kali pertama di Dewan Rakyat pada 13 Disember 2007.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN HASBI BIN
HABIBOLLAH
(LIMBANG)**

TARIKH : (7 MEI 2008)

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan berapa banyakkah peruntukan tambahan di dalam Kajian Separuh Penggal RMK-9 akan disalurkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak bagi memperluaskan liputan bekalan air bersih luar bandar (BALB) memandangkan masih banyak lagi kampung-

kampung dan rumah panjang masih belum menikmati bekalan air bersih.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), peruntukan bagi program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) adalah sebanyak **RM1.114 bilion**. Bagi Negeri Sarawak, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM347.0 juta atau 31.14%**.

Di bawah Kajian Separuh Penggal (KSP) RMK-9 pula, Kementerian telah mengemukakan permohonan tambahan berjumlah **RM428.0 juta** bagi tujuan tersebut. Daripada jumlah itu, sebanyak **RM199.26 juta** adalah bagi Negeri Sarawak. Perkara ini, masih dalam pertimbangan Unit Perancang Ekonomi (UPE).

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN CHONG ENG
(BUKIT MERTAJAM)
TARIKH : 7.5.2008

SOALAN:

Y.B. PUAN CHONG ENG (BUKIT MERTAJAM) minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasi kekurangan guru berkelayakan bahasa Mandarin dengan jadual masa dalam Negara ini.; dan
- (b) nyatakan apakah penyelesaian kepada masalah ramai guru tidak minat dinaikkan pangkat menjadi penolong guru besar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah jangka pendek bagi mengatasi masalah kekurangan guru ialah melantik Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) yang mempunyai kelulusan Bahasa Mandarin.

Tuan Yang Di Pertua, Kementerian telah melaksanakan kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Guru Besar dikalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma dikalangan calon – calon yang telah dilantik ke gred DGA32 (KUP) *Time-Based*. Jawatan Penolong Guru Besar merupakan jawatan hakiki

yang merangkumi Penolong Kanan Pentadbiran DGA32, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid DGA32 dan Penolong Kanan Kokurikulum DGA32.

Bagi menarik minat guru – guru menyandang jawatan tersebut, Kementerian telah melaksanakan langkah- langkah berikut : -

1. Mengambil kira pengalaman perkhidmatan di jawatan Penolong Guru Besar untuk dinaikkan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi.
2. Keutamaan untuk jawatan naik pangkat Guru Besar diberi kepada penyandang jawatan Penolong Guru Besar berbanding Guru Penolong *Time- Based*.

Dengan langkah tersebut, diharap guru yang berminat sebagai pentadbir akan terus diberi ruang bagi meningkatkan prestasi sekolah dan meneruskan kesinambungan kepimpinan sekolah dengan berkesan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA
(PADANG TERAP)

TARIKH : 7 MEI 2008

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA (PADANG TERAP) minta
PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) Apakah sebab-sebab SPR membatalkan pengakuan bersumpah calon-calon pilihan raya lepas pada saat-saat akhir.

JAWAPAN (a):

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah mendapat nasihat di saat-saat akhir sebelum hari penamaan calon daripada Jabatan Peguam Negara supaya Akuan Berkanun Orang Yang Dinamakan Sebagai Calon Pilihan Raya bagi Ahli Dewan Rakyat (Borang 5) dan Dewan Undangan Negeri (Borang 5A) hendaklah dimatikan setem. Kekeliruan ini berbangkit kerana peruntukan Peraturan 4(7) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 tidak menetapkan bahawa Borang 5 dan 5A itu dikecualikan daripada bayaran duti setem sedangkan Borang 5 dan 5A berkenaan telah dicatat dengan perkataan duti setem dikecualikan. Memandangkan peruntukan undang-undang iaitu Peraturan 4(7) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 tidak mengecualikan Borang 5 dan 5A daripada bayaran duti setem, maka Jabatan Peguam Negara menasihatkan SPR supaya menentukan calon-calon yang akan bertanding dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 membuat pembayaran dan mematikan duti setem di atas Borang 5 dan 5A berkenaan.

Berasaskan kepada nasihat daripada Jabatan Peguam Negara itu, SPR telahpun memaklumkan keperluan mematikan duti setem di atas Borang 5 dan 5A kepada semua Pegawai Pengurus dan parti politik supaya menentukan calon masing-masing mematuhi peraturan yang ditetapkan itu.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR tidak pernah membatalkan arahan supaya mematikan duti setem di atas Borang 5 dan 5A sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Padang Terap itu. Apa yang dilakukan oleh SPR ialah meminta mana-mana Pegawai Pengurus yang telah menerima kertas penamaan calon bersama Borang 5 dan 5A yang tidak dimatikan duti setem supaya merujukannya terlebih dahulu kepada SPR untuk mendapat keputusan muktamad. Tujuan SPR berbuat demikian adalah untuk memberi peluang kepada mana-mana calon yang tidak mendapat maklumat mengenai keperluan untuk mematikan duti setem di atas Borang 5 dan 5A itu tidak menghadapi kemungkinan kertas penamaan calon masing-masing ditolak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan : **LISAN**
Daripada : **Y.B DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTALIB (MARAN)**
Tarikh : **7 MEI 2008 (RABU)**

SOALAN:

YB. Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib (Maran) minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah tindakan tegas Kerajaan dalam mengekang penyebaran maklumat-maklumat yang tidak tepat dan mengelirukan masyarakat yang boleh didapati melalui laman-laman web persendirian atau *bloggers* yang dianggap menjadi penyebab hilang keyakinan rakyat kepada Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Maran terhadap soalan yang dikemukakan. Kemunculan media siber adalah satu fenomena baru. Kerajaan tidak pernah mengekang maklumat melalui media

siber. Walau bagaimana pun media siber masih tertakluk kepada undang-undang sedia ada seperti Akta Hasutan 1948 dan Akta Fitnah 1957. Dalam pada itu, Kementerian Penerangan, akan terus menjelaskan isu-isu yang berbangkit dalam media -siber bertujuan untuk memberi kefahaman kepada rakyat.